




KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN MUZIUM MALAYSIA

BERITA
JMM

JABATAN MUZIUM MALAYSIA

JILID 48 | BIL 1/2026

JAN - APRIL 2026



Pameran Maya **MUZIUM ALAM SEMULA JADI**

<https://masvirtual360.jmm.gov.my/>



Jabatan Muzium Malaysia



jabatanmuziummalaysia



Jabatan Muzium Malaysia



museumsmalaysia



Jabatan Muzium Malaysia

PENASIHAT

Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim

KETUA EDITOR

Mohd Razaimi bin Hamat

EDITOR

Mohd Khairill bin Jemangin

PENYELARAS

Manirah Binti Mansor
Azila binti Rohani@Rosani
Roseanida binti Abdul Kadir

FOTOGRAFI

Unit Sumber Media

EDARAN

Unit Dokumentasi

DITERBITKAN OLEH

Jabatan Muzium Malaysia
Jalan Damansara
50566 Kuala Lumpur
Tel : (+603) 2267 1000,
(+603) 2282 6255
Faks : (+603) 2282 6434
<https://www.jmm.gov.my>

DICETAK OLEH

Sepantas Kurnia (M) Sdn Bhd
No.50 & 52A, Jalan Seri Aman,
Taman Seri Aman,
43200 Cheras Selangor.

Berita JMM diterbitkan 4 bulan sekali.
Berita ini boleh dimuat turun daripada
laman web JMM.



RASIONAL GAMBAR MUKA DEPAN
PAMERAN MAYA MUZIUM ALAM SEMULAJADI

Lidah Pengarang



**DATUK KAMARUL BAHARIN
BIN A.KASIM**

Ketua Pengarah
Jabatan Muzium Malaysia

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan
Salam Malaysia MADANI.**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana *Berita JMM Bil. 1/2026* berjaya diterbitkan sebagai wadah untuk berkongsi pelbagai program, aktiviti dan pencapaian Jabatan Muzium Malaysia (JMM) sepanjang Januari hingga April 2026.

Sepanjang tempoh ini, JMM terus memperkukuh peranannya melalui pelbagai inisiatif berteraskan pendigitalan, pendidikan, penyelidikan, pemuliharaan warisan dan pengukuhan perpaduan. Pelancaran Program Pendigitalan Koleksi dan Pameran Maya Muzium Alam Semula Jadi, pelaksanaan program STEM serta pelbagai program seperti *Harmoni@Muzium* sempena Sambutan Tahun Baharu Cina dan aktiviti jangkauan komuniti membuktikan komitmen JMM dalam mendekati masyarakat melalui pendekatan yang lebih inovatif dan inklusif. Kejayaan yang dicapai turut didorong oleh kerjasama erat antara JMM dengan pelbagai agensi kerajaan, institusi pendidikan, sektor korporat dan rakan strategik. Kolaborasi ini bukan sahaja memperkasa usaha pemeliharaan warisan negara, malah memperluaskan peranan muzium sebagai pusat ilmu, perpaduan dan pembangunan masyarakat.

Mendepani Tahun Melawat Malaysia 2026 dan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13), JMM melalui Kementerian Perpaduan Negara akan terus menyokong dan menyahut aspirasi KPN Bersama Membina Negara Bangsa melalui konsep Faham, Terima, Hormat dan Meraikan. Saya menyeru seluruh warga JMM untuk menghayati dan mengamalkan konsep ini dalam melahirkan warganegara yang menghargai sejarah, budaya dan khazanah negara.

Akhir kata, saya merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terus menyokong usaha JMM dalam memelihara dan memartabatkan warisan negara untuk generasi masa kini dan akan datang.

Sekian, terima kasih.

DATUK KAMARUL BAHARIN BIN A. KASIM

Ketua Pengarah
Jabatan Muzium Malaysia

Isi Kandungan

**JILID 48 • BIL1/2026 •
JANUARI - APRIL**

JMM LANCAR PROGRAM PENDIGITALAN KOLEKSI DAN
PAMERAN MAYA MUZIUM ALAM SEMULA JADI:
ALTERNATIF MERENTASI BATASAN GEOGRAFI

PROGRAM HARMONI@MUZIUM SEMPENA SAMBUTAN
TAHUN BAHARU CINA 2026

KERJASAMA STRATEGIK PERKASA PERANAN MUZIUM
SEBAGAI HAB PENDIDIKAN STEM

JABATAN MUZIUM MALAYSIA DI HARI TERBUKA
PUTRAJAYA 2026

- DBKK DALAMI PENGURUSAN KOLEKSI DAN GALERI
DALAM LAWATAN KERJA KE MUZIUM NEGARA
- PROGRAM CUTI SEKOLAH - MOH RAMEI-RAMEI KITA
KE MUZIUM MATANG

- KUNJUNGAN RASMI OLEH TOKOH WARISAN
BANGLADESH, MR. JAHANGIR HUSSAIN KE MUZIUM
NEGARA
- MAJLIS PENYERAHAN PROJEK PEMULIHARAAN DAN
PEMELIHARAAN BANGUNAN MUZIUM DIRAJA KUALA
LUMPUR

- RITMA MUZIK MALAYSIA: ALAT MUZIK MASYARAKAT
INDIA
- PROGRAM BICARA@MUZIUM MUZIUM KOTA KUALA
KEDAH DALAM LENSE AI

- PROGRAM STEM DI SEKOLAH RENDAH SEKITAR KOTA
SETAR
- LAWATAN KERJA YB DATO' AHMAD SUAIDI BIN ABDUL
RAHIM, SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK KE
MUZIUM PERAK, TAIPING

- KUNJUNGAN HORMAT MUZIUM MUZIK KE MOMI@FINAS
MEMPERKASA JALINAN STRATEGIK
- LAWATAN KEILMUAN SM SAINS KE MUZIUM LABUAN

PAMERAN NARATIF: MENCIPTA MASA DEPAN MELALUI
REKA BENTUK TEKSTIL RASMI DIBUKA DI MUZIUM
TEKSTIL NEGARA

- PROGRAM EKSPLORASI @MUZIUM 4.0: MUZIUM
GERBANG TAMADUN MELAYU DI MUZIUM NEGARA
- TAKLIMAT KESEDARAN PENGURUSAN KEWANGAN DAN
PERANCANGAN PERSARAAN KWSP

PENYELIDIKAN LANJUTAN NISAN LAMA DI TAPAK
PERKUBURAN LABUAN

- AKTIVITI MEWARNA ALAT MUZIK 'YUEQIN' MERIAHKAN
CUTI TAHUN BAHARU CINA DI MUZIUM MUZIK
- USAHA PERKUKUH PERPADUAN: JABATAN MUZIUM
MALAYSIA TEROKA PELUANG KERJASAMA STRATEGIK
BERSAMA UTUSANTV

- LAWATAN DYT MUDA KEDAH TENGGU
SARAFUDIN BADLISHAH IBNI AL-AMINUL KARIM SULTAN
SALLEHUDDIN KE MUZIUM ARKEOLOGI LEMBAH BUJANG
- LAWATAN DELEGASI KEMENTERIAN INFRASTRUKTUR,
REPUBLIK SUDAN KE MUZIUM NEGARA MEMBINA
JAMBATAN KERJASAMA

- PROGRAM JANGKAUAN LUAR MUZIUM ALAM SEMULA
JADI KOLABORASI BERSAMA AQUARIA KLCC
- MAJLIS MEMPERINGATI YTM ALMARHUM TUNKU ABDUL
RAHMAN PUTRA AL-HAJ

- DELEGASI KEDUTAAN AMERIKA SYARIKAT TEROKA
NARATIF SEJARAH DAN KEBUDAYAAN DI MUZIUM
NEGARA
- PAMERAN FOTO MONUMEN BERBICARA, BUDAYA
TERPELIHARA DI SEKOLAH KEBANGSAAN MATANG

BERITA BERGAMBAR

- PROGRAM BICARA@MUZIUM SULAMAN PERANAKAN:
BUNGA, WARNA & SIMBOLIK BUDAYA
- LAWATAN SAMBIL BELAJAR PELAJAR INSTITUT
PENDIDIKAN GURU KAMPUS RAJA MELEWAR KE MUZIUM
ADAT

- BENGKEL PENGURUSAN ASET ALIH 2026
- PROGRAM JANGKAUAN LUAR MUZIUM ADAT DI IMAS
INTERNATIONAL SCHOOL, KAJANG SELANGOR

- PROGRAM MUZIUM@KOMUNITI BERSAMA PESTA
SONGKRAN PERINGKAT KEBANGSAAN 2026
- PROGRAM RITMA MUZIK MALAYSIA LAGU HARI RAYA
AIDILFITRI

- KEJOHANAN MERENTAS DESA SEKOLAH KEBANGSAAN
MATANG
- LAWATAN RASMI DUTA BESAR PERANCIS KE MUZIUM
PERAK, TAIPING

- PROGRAM AKTIVITI KIT STEM DI SJK(C) KHEA WAH,
PEKAN MATANG, PERAK
- LAWATAN ILMIAH PELAJAR KOLEJ KOMUNITI JELEBU KE
MUZIUM ADAT

- PAMERAN KENALI MUZIUM MATANG DI SEKOLAH
KEBANGSAAN MATANG GELUGOR
- KERJA NAIK TARAF KECIL MUZIUM MARIN LABUAN
TAHUN 2025

- PAMERAN PERMAINAN TRADISIONAL DI SEKOLAH
KEBANGSAAN NGAH IBRAHIM
- BICARA @ MUZIUM: MENGUPAS SENI TANGGAM
MELALUI EKSPERIMENTASI DALAM PEMBUATAN

- SETIAUSAHA BAHAGIAN KEWANGAN DAN PEMBANGUNAN
KPN TINJAU PROJEK PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN
GALERI RUMAH NGAH IBRAHIM
- BICARA@MALB INTERAKSI PERADABAN DAN
PEMBENTUKAN IDENTITI TAMADUN AWAL LEMBAH
BUJANG

PROGRAM BICARA KURATOR SIRI 1 OBJEK DAN MAKNA:
TAFSIRAN BUDAYA DALAM KURASI DAN PEMIKIRAN

BENGKEL PENULISAN ARTIKEL JURNAL BERIMPAK TINGGI
MENGUNAKAN APLIKASI KECERDASAN BUATAN (AI)

PENEROKAAN SEJARAH ALAM SEMULAJADI DI KEPULAUAN
MELAYU PADA ABAD KE 19 DAN 20

MENJEJAKI SEJARAH EDWARDES TOWN LABUAN SIRI III

- PROGRAM MUZIUM @ KOMUNITI PERKUKUH KESEDARAN
WARISAN DI POLITEKNIK MERLIMAU
- PROGRAM JANGKAUAN LUAR (OUTREACH) MUZIUM
MUZIK BERSAMA SEKOLAH KEBANGSAAN KEBUN BAHARU
TELOK PANGLIMA GARANG

PEMENANG KAD RAYA "TERPALING RAYA"

KAD RAYA JMM

MAJLIS PERSARAAN STAF JMM

JMM LANCAR PROGRAM PENDIGITALAN KOLEKSI DAN PAMERAN MAYA MUZIUM ALAM SEMULA JADI



KUALA LUMPUR – Jabatan Muzium Malaysia (JMM) hari ini melakar satu lagi langkah ke hadapan dalam transformasi digital apabila melancarkan Program Pendigitalan Koleksi dan Pameran Maya Muzium Alam Semula Jadi. Majlis pelancaran tersebut telah disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid, di Galeri 2, Jabatan Muzium Malaysia.

Program yang dilaksanakan di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) Rolling Plan 5 (RP5) ini bertujuan memperkasa sektor permuziuman negara melalui penggunaan teknologi terkini seperti Realiti Terimbuh (Augmented Reality, AR) dan Realiti Maya (Virtual Reality, VR). Inisiatif ini dilihat sebagai pendekatan strategik dalam memastikan pengurusan koleksi muzium terus relevan dengan perkembangan teknologi semasa.

Pendigitalan koleksi memainkan peranan penting dalam usaha pemeliharaan jangka panjang, khususnya bagi koleksi yang bersifat nadir dan sensitif. Melalui dokumentasi yang sistematik serta akses yang terkawal, koleksi dapat dipelihara dengan lebih baik tanpa menjejaskan fungsi penyelidikan dan pendidikan.

Pada masa yang sama, program ini turut menyokong peranan muzium sebagai pusat penyebaran ilmu dengan menyediakan akses yang lebih luas kepada masyarakat. Pendekatan digital ini membolehkan orang ramai menikmati kandungan muzium tanpa terikat kepada lokasi fizikal, sekali gus merentasi batasan geografi.

Sebagai tarikan utama, pameran maya yang dibangunkan menawarkan pengalaman imersif melalui lapan segmen utama. Antara kandungan yang dipaparkan termasuk sejarah pengumpulan spesimen sejak tahun 1880-an, kepelbagaian biodiversiti seperti mamalia dan hidupan marin, serta elemen interaktif seperti tayangan video kaedah pengawetan dan kuiz untuk menguji kefahaman pengunjung.

Pameran maya ini boleh diakses menggunakan peralatan Realiti Maya (VR) yang disediakan di muzium, selain turut boleh dilawati secara dalam talian melalui laman sesawang rasmi di masvirtual360.jmm.gov.my.

Pelaksanaan program ini mencerminkan komitmen berterusan JMM dalam memperkukuh peranan institusi muzium sebagai penjaga warisan negara serta pemangkin kepada penyebaran ilmu yang lebih inklusif dan berdaya saing dalam era digital.

Program Harmoni @MUZIUM SEMPENA SAMBUTAN TAHUN BAHARU CINA 2026

Oleh: Shenna Anak Skem, Muzium Negara

KUALA LUMPUR - Program Harmoni@Muzium sempena Sambutan Tahun Baharu Cina 2026 telah dilaksanakan pada 14 Februari 2026 (Sabtu) bertempat di Dataran Muzium Negara. Program ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara. Penganjuran ini merupakan hasil sinergi strategik antara Jabatan Muzium Malaysia dan pelbagai agensi rakan strategik bagi memartabatkan warisan kebudayaan negara secara inklusif.

Tumpuan utama program ini ialah untuk mengetengahkan keunikan asimilasi budaya melalui penyediaan Tang Yuan yang mempunyai persamaan dari segi teknik penyediaan dan sejarah dengan manisan tradisional Melayu iaitu onde-onde Melaka. Perkaitan ini membuktikan bahawa seni kulinari merupakan agen penyatuan yang ampuh dalam masyarakat majmuk Malaysia. Selain itu, tradisi menggaul Yee Sang yang kini diiktiraf sebagai Warisan Kebangsaan (Warisan Tidak Ketara) turut dijadikan sebagai sorotan utama dalam program ini. Aktiviti 'Lou Hei' ini melambangkan semangat kebersamaan rakyat dalam memacu kemakmuran dan kestabilan negara. Program ini juga berjaya menghidupkan kembali semangat 'Rewang' atau gotong-royong, yang sering dikaitkan dengan masyarakat Melayu. Program ini telah diadaptasi sebagai nilai sejagat dalam penyediaan hidangan Tahun Baharu Cina untuk memperkukuh kerjasama komuniti.

Atur cara program bermula pada pukul 9.00 pagi dengan pendaftaran peserta yang kemudiannya dibahagikan kepada kumpulan kecil melibatkan golongan dewasa dan kanak-kanak untuk aktiviti gotong-royong menghasilkan Yee Sang dan Tang Yuan. Kemuncak program melibatkan sesi demonstrasi dan simbolik *Toast Yee Sang* oleh YBhg. KSU bersama tetamu kehormat.

Suasana bertambah meriah dengan persembahan Tarian Singa serta sesi edaran buah limau mandarin kepada pengunjung oleh KSU dengan diiringi watak *God of Prosperity*. Acara ini telah disertai oleh 200 orang peserta yang terdiri daripada wakil Kawasan Rukun Tetangga (KRT), Tabika dan Taska Perpaduan, Jiran Wanita, Sekretariat Rukun Negara (SRN), Sukarelawan Muzium (MV) serta orang ramai yang berkunjung ke muzium.

Secara keseluruhannya, program ini telah mencapai matlamatnya dalam memperkukuh jambatan yang menghubungkan masa lalu dengan masa kini. Melalui pendekatan interaktif dan inklusif, program ini bukan sahaja menjadi platform integrasi nasional, malah membuktikan bahawa pemuliharaan budaya merupakan tanggungjawab bersama antara sektor kerajaan, korporat dan masyarakat. Kejayaan ini juga memberikan impak signifikan terhadap imej Muzium Negara sebagai hab kebudayaan yang kompetitif, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI serta menyokong agenda Tahun Melawat Malaysia 2026 dengan mempromosikan Muzium Negara sebagai hab pelancongan budaya yang dinamik bagi menarik pelancong domestik mahupun antarabangsa.

Sebagai kesinambungan kepada kemeriahan sambutan tersebut, aktiviti kebudayaan diteruskan pada hari pertama Tahun Baharu Cina iaitu pada 17 Februari 2026 dengan

persembahan Tarian Singa dan edaran buah limau mandarin turut diadakan di hadapan pintu masuk utama Muzium Negara. Selain itu, Program Ceria@Muzium Negara (Kraf) turut dilaksanakan dengan menyasarkan golongan kanak-kanak dan seisi keluarga melalui kerjasama strategik bersama Yayasan Mr DIY.

SEJARAH RINGKAS TANG YUAN DAN YEE SANG TANG YUAN

Tang Yuan merupakan hidangan tradisional masyarakat Cina yang telah wujud sejak zaman Dinasti Song. Hidangan manisan yang diperbuat daripada tepung pulut ini berasal dari kawasan Ningbo, Wilayah Zhejiang. Pada asalnya, ia dikenali sebagai *Ru Yuan* atau "bola susu" kerana warnanya yang putih bersih dan bentuknya yang bulat melambangkan kesucian. Tang Yuan sangat sinonim dengan simbolisme kekeluargaan. Bentuknya yang bulat melambangkan *Tuanyuan*, iaitu penyatuan semula dan keutuhan keluarga yang tidak terputus. Oleh itu, hidangan ini menjadi menu wajib dalam dua perayaan besar masyarakat Cina, iaitu Pesta Tanglung dan Hari Solstis Musim Sejuk (Dongzhi). Bagi masyarakat Cina, tradisi menikmati Tang Yuan bersama ahli keluarga melambangkan keharmonian serta harapan agar segala urusan pada tahun baru berjalan dengan lancar dan sempurna.

YEE SANG

Yee Sang ialah hidangan "salad kemakmuran" yang diperkenalkan oleh Loke Ching Fatt, seorang imigran Kantonis di Seremban sekitar tahun 1940-an, sebagai usaha menarik pelanggan selepas Perang Dunia Kedua. Terinspirasi daripada sambutan Ren Ri, beliau mengolah resipi tradisional dengan pengaruh Teochew dan Hokkien sehingga menghasilkan hidangan berwarna-warni yang sarat simbolik kemakmuran. Keunikan Yee Sang terserlah melalui tradisi "Lo Hei", iaitu perbuatan menggaul dan mengangkat hidangan sambil melaungkan ucapan kesejahteraan yang dipercayai melambangkan peningkatan rezeki dan kemakmuran.





Dato' Haslina bersama wakil Yayasan MR D.I.Y dan wakil muzium-muzium seluruh Malaysia yang menerima sumbangan Kit STEM

KERJASAMA STRATEGIK PERKASA PERANAN MUZIUM SEBAGAI HAB PENDIDIKAN STEM

Oleh : Nor Hanisah binti Ahmad, Muzium Negara

KUALA LUMPUR – Set Kit STEM yang berasaskan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) direka khusus bagi memperkukuh pembelajaran secara praktikal, merangsang pemikiran kritis serta meningkatkan keupayaan penyelesaian masalah dalam kalangan masyarakat, khususnya generasi muda.

Sebagai pembuka tirai tahun 2026, Yayasan MR DIY sekali lagi membuktikan komitmennya apabila tampil sebagai rakan strategik pertama Jabatan Muzium Malaysia pada tahun ini. Peranan muzium sebagai institusi pendidikan tidak formal terus diperkukuh apabila Jabatan Muzium Malaysia melalui Muzium Negara menerima sumbangan sebanyak 120,000 unit Kit STEM bernilai RM3.6 juta daripada Yayasan MR DIY. Sumbangan tersebut diserahkan secara berperingkat bermula 8 hingga 13 Januari 2026, manakala Muzium Negara mula membuat edaran pada 12 Januari 2026 kesemua 22 buah muzium di bawah seliaan Jabatan Muzium Malaysia, selain diperluaskan kepada 12 buah muzium negeri dan enam muzium institusi di seluruh negara.

Inisiatif berskala besar ini dilaksanakan secara sistematik dan berkesan berdasarkan pengalaman serta pencapaian cemerlang Muzium Negara pada tahun sebelumnya. Justeru, satu Majlis Penyerahan Kit STEM yang disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara telah diadakan pada 4 Februari 2026 di Galeri 1, Jabatan Muzium Malaysia sebagai simbolik kerjasama strategik ini.

Usaha ini menjadi manifestasi jelas komitmen berterusan sektor swasta dalam menyokong agenda pendidikan, pembudayaan ilmu serta pemerkasaan perpaduan nasional. Penganjuran majlis ini mencerminkan hubungan kerjasama strategik yang kukuh antara Jabatan Muzium Malaysia, Kementerian Perpaduan Negara dan Yayasan MR DIY, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan pendekatan inklusif dan berimpak tinggi.

Sumbangan Yayasan MR DIY ini merupakan nilai tambah yang signifikan kepada ekosistem pendidikan negara. Inisiatif ini bukan sahaja menyokong usaha memperkukuh literasi dan minat terhadap bidang STEM, malah turut memperluas akses pembelajaran kepada masyarakat pelbagai latar belakang tanpa mengira kaum, sosioekonomi dan geografi. Secara tidak langsung, usaha ini akan terus mengukuhkan peranan muzium sebagai institusi pendidikan tidak formal yang relevan, progresif dan inklusif, selaras dengan keperluan pendidikan masa kini.



Dato' Haslina mencuba aktiviti Kit STEM bersama murid-murid sekolah dalam suasana pembelajaran yang interaktif dan menyeronokkan.

Kementerian Perpaduan Negara amat menghargai komitmen tanggungjawab sosial korporat yang berterusan dan berimpak tinggi oleh Yayasan MR DIY. Dalam konteks pembinaan negara bangsa, pendidikan dilihat sebagai wahana utama dalam melahirkan generasi yang berdaya saing, inovatif dan berfikir kritis. Pendekatan pendidikan STEM yang kreatif dan interaktif bukan sahaja membentuk generasi celik teknologi, malah menyemai nilai kerjasama, toleransi dan penghormatan terhadap kepelbagaian. Kerjasama strategik antara sektor awam dan swasta seperti ini turut mencerminkan pendekatan *Whole of Nation* yang disarankan oleh kerajaan, iaitu usaha menyeluruh yang menggembelng kekuatan semua pihak dalam merealisasikan agenda perpaduan, pendidikan dan pembangunan negara secara inklusif.

Mengikut rekod, kerjasama antara Jabatan Muzium Malaysia dan Yayasan MR DIY telah bermula pada tahun 2025 dengan penajaan sebanyak 30,630 unit Kit STEM bernilai RM918,000.00. Selain itu, Yayasan MR DIY turut menyumbang pelbagai bentuk penajaan lain melibatkan bahan dan peralatan bagi pelaksanaan program-program seperti Program Tahun Baharu Cina, Nostalgia Ramadan Syawal, Program Bermalam di Muzium dan Nostalgia Anak Kampung, dengan jumlah penajaan mencecah

RM954,207.00. Ini menjadikan nilai keseluruhan penajaan daripada Yayasan MR DIY pada tahun 2025 adalah sebanyak RM1,872,207..

Jabatan Muzium Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yayasan MR DIY atas kesudian menjadi rakan strategik yang komited dan berwawasan. Kerjasama ini diharap dapat terus diperkukuh dan diperluaskan melalui pelaksanaan program-program baharu yang menyokong pemeliharaan warisan sejarah, seni budaya dan alam semula jadi negara. Inisiatif murni ini diyakini mampu menjadi pemangkin kepada lebih banyak usaha kolaboratif pada masa hadapan dalam membina masyarakat Malaysia yang berilmu, bersatu padu dan beridentiti nasional yang kukuh. Sumbangan ini bukan sahaja memberi manfaat langsung kepada masyarakat dan negara, malah melayakkan pihak yang menyumbang menikmati insentif pelepasan cukai di bawah Seksyen 34(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 sebagaimana yang diperuntukkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Insentif ini secara jelas menggalakkan penglibatan sektor korporat dalam menyumbang kepada tujuan pendidikan dan kepentingan awam, sekali gus menjana pulangan sosial dan ekonomi secara mampan.

JABATAN MUZIUM MALAYSIA DI HARI TERBUKA PUTRAJAYA 2026

Oleh: Zuhair bin Zulkifli, Bahagian Pameran dan Pengembangan

PUTRAJAYA – Jabatan Muzium Malaysia (JMM) sekali lagi membuktikan komitmennya dalam usaha memupuk semangat perpaduan apabila turut serta dalam Hari Terbuka Putrajaya 2026 yang berlangsung dari 29 Januari hingga 1 Februari 2026 di Dataran Putrajaya, Putrajaya. Program tahunan anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan ini melibatkan penyertaan pelbagai kementerian dan agensi kerajaan, termasuk Kementerian Perpaduan Negara bersama agensi-agensi di bawahnya.

Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah diberi kepercayaan untuk melaksanakan aktiviti sisipan di reruai Kementerian Perpaduan Negara bersama agensi-agensi lain di bawah kementerian tersebut, iaitu Jabatan Perpaduan Negara (JPNIN), Arkib Negara Malaysia (ANM) dan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Antara tarikan utama di reruai Kementerian Perpaduan Negara iaitu aktiviti-aktiviti sisipan yang dikendalikan secara langsung oleh pegawai dan kakitangan JMM. Sebanyak empat aktiviti interaktif telah diadakan sepanjang program berlangsung, merangkumi elemen permainan, kraftangan tradisional, seni visual serta cabaran minda.

Aktiviti pertama yang mendapat sambutan meriah ialah Kuiz *Spin the Wheel*. Pengunjung dari pelbagai lapisan usia berpeluang menguji pengetahuan mereka tentang sejarah dan warisan budaya Malaysia melalui permainan berputar roda yang mengandungi soalan-soalan pelbagai peringkat kesukaran. Aktiviti ini bukan sahaja menyeronokkan malah bersifat mendidik selaras dengan misi JMM untuk mempromosikan kesedaran sejarah dalam kalangan masyarakat. Hadiah-hadiah menarik turut disediakan bagi pengunjung yang berjaya menjawab soalan dengan betul.

Aktiviti mengarang destar pula menjadi daya tarikan tersendiri, terutamanya dalam kalangan peserta yang ingin mempelajari seni warisan lelaki Melayu ini. Destar atau tengkolok merupakan penutup kepala tradisional yang sarat dengan nilai budaya dan estetika Melayu. Di bawah bimbingan tenaga pengajar Cikgu Johari dari Pertubuhan Penggiat Seni Alam Melayu (PERNILAM) serta kakitangan JMM yang berpengalaman, pengunjung berpeluang mempelajari kaedah mengikat dan membentuk destar dengan cara yang betul. Aktiviti ini telah menarik perhatian ramai bukan sahaja dalam kalangan generasi muda, malah turut disambut baik oleh generasi lebih berusia yang ingin menghayati kembali warisan nenek moyang.

Selain itu, pengunjung berkesempatan mencuba seni lukis motif tradisional pada seramik melalui aktiviti yang dikendalikan khas oleh kakitangan JMM. Peserta diberi kebebasan untuk menghasilkan motif-motif artifak pada permukaan seramik putih. Aktiviti kreatif ini bukan sahaja memupuk minat terhadap seni motif tradisional, malah memberikan peluang kepada pengunjung untuk membawa pulang hasil karya tangan mereka sendiri.

Penyertaan JMM dalam Hari Terbuka Putrajaya 2026

mencerminkan hasrat kerajaan untuk membawa muzium lebih dekat kepada rakyat Malaysia. Program sebegini memberi peluang kepada JMM untuk menjangkau segmen masyarakat yang mungkin tidak berkesempatan mengunjungi muzium secara langsung. Dengan pelaksanaan aktiviti yang bersifat interaktif dan mudah diakses oleh semua lapisan masyarakat, JMM berharap dapat mendekatkan lagi hubungan antara rakyat dengan institusi muzium. Kehadiran Jabatan Muzium Malaysia bersama rakan-rakan agensi di bawah Kementerian Perpaduan Negara telah menyumbang kepada kejayaan program ini sebagai platform perpaduan rakyat Malaysia yang berkesan dan bermakna.



Aktiviti melukis motif pada seramik sudah disediakan bagi pengunjung yang datang



Antara pengunjung yang cuba melukis motif pada seramik



Pengunjung mencabar diri dengan menjawab Kuiz *Spin-The-Wheel*



Aktiviti mengarang destar dengan bimbingan Cikgu Johari dari Persatuan Penggiat Seni Alam Melayu (PERNILAM)

MOH RAMEI-RAMEI KITA KE MUZIUM MATANG

Oleh: Nur Nasihah binti Mohamed Ariffin, Muzium Matang



MATANG - 19 Februari 2026, bersempena dengan cuti persekolahan Muzium Matang telah mengadakan aktiviti berasaskan STEM (*Science, Technology, Engineering, Mathematics*). Program ini telah disertai oleh 30 kanak-kanak berusia lima hingga dua belas tahun bersama ibu bapa.

Program dimulakan dengan lawatan ke galeri pameran, diikuti sesi taklimat yang disampaikan oleh Encik Barhaman Zaktom. Para peserta telah diberikan penerangan mengenai Ngah Ibrahim serta sejarah kotanya. Sesi taklimat tersebut berjaya menambah pengetahuan peserta dan ibu bapa tentang kepentingan Kota Ngah Ibrahim serta perkembangan aktiviti perlombongan bijih timah yang menjadi pemangkin kepada pembangunan di Larut.

Para peserta seterusnya ke Dewan Seminar bagi sesi aktiviti STEM yang dikelolakan oleh kakitangan Muzium Matang. Setiap peserta diberikan Kit STEM iaitu membuat periskop yang ditaja oleh Yayasan Mr. D.I.Y. Penerangan mengenai fungsi periskop telah disampaikan kepada para peserta untuk memahami bagaimana periskop berfungsi serta kegunaannya.

Program ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dan seharusnya ia diteruskan untuk masa hadapan. Kenangan bersama Muzium Matang ini sudah pastinya akan terpahat selamanya dalam ingatan setiap peserta sekaligus menepis persepsi bahawa muzium hanyalah sebagai tempat untuk mempelajari sejarah serta dapat merealisasikan peranan muzium sebagai institusi pendidikan tidak formal.

DBKK DALAMI PENGURUSAN KOLEKSI DAN GALERI DALAM LAWATAN KERJA KE MUZIUM NEGARA

Oleh: Siti Malihah binti Mohd Zawawi, Muzium Negara

KUALA LUMPUR – Muzium Negara menerima lawatan kerja daripada wakil Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) pada Khamis, 15 Januari 2026. Lawatan tersebut diketuai oleh Puan Faradillah Hj. Abdul Rani bersama beberapa orang pegawai DBKK yang terlibat secara langsung dalam pengurusan galeri dan pameran.

Tujuan utama lawatan ini adalah untuk mendapatkan pendedahan dan perkongsian ilmu berkaitan pengurusan koleksi muzium, khususnya dalam aspek penjagaan dan konservasi koleksi. Pihak DBKK memaklumkan bahawa mereka mempunyai galeri pameran sendiri, namun masih menghadapi beberapa kekangan, terutamanya dari segi kepakaran dalam memastikan pelbagai jenis koleksi terpelihara untuk jangka masa panjang.

Selain itu, wakil DBKK turut menyatakan minat terhadap inisiatif pendigitalan koleksi yang dilaksanakan oleh Muzium Negara. Pendekatan ini dilihat sebagai satu nilai tambah dalam pengurusan muzium secara moden serta berpotensi untuk diaplikasikan di galeri milik DBKK bagi memantapkan akses kepada maklumat sedia ada dan memberi pengalaman yang lebih bermakna kepada pengunjung.

Lawatan ini turut memberi tumpuan kepada aspek pengurusan dan penyelenggaraan galeri. Antara perkara yang dibincangkan iaitu kaedah penyusunan pameran, kawalan persekitaran serta amalan terbaik dalam memastikan keselamatan dan kelestarian koleksi. Sesi

soal jawab yang berlangsung secara interaktif telah membuka ruang perbincangan berkaitan pengurusan muzium secara menyeluruh, termasuklah strategi dan pendekatan kreatif dalam menarik minat orang ramai untuk mengenali dan mengunjungi muzium.

Secara keseluruhannya, lawatan ini menjadi medium perkongsian amalan terbaik dalam pengurusan muzium yang memberi manfaat langsung kepada pihak DBKK. Lawatan seumpama ini diharap dapat memperkukuh jalinan kerjasama antara kedua-dua pihak serta dapat diteruskan pada masa hadapan, khususnya dalam usaha meningkatkan kecekapan pengurusan koleksi dan galeri selaras dengan peranan muzium sebagai pusat ilmu dan warisan negara.



KUNJUNGAN RASMI OLEH TOKOH WARISAN BANGLADESH, MR. JAHANGIR HUSSAIN KE MUZIUM NEGARA

Oleh: Siti Sarah binti Samian, Muzium Negara



KUALA LUMPUR – Muzium Negara telah menerima kunjungan rasmi daripada tokoh muzium dan pakar warisan terkemuka antarabangsa dari Bangladesh, Mr. Jahangir Hussain pada 27 Januari 2026 yang lalu. Ketibaan beliau yang kini memegang jawatan sebagai Ketua Pengarah (*Director-General*) Heritage Foundation di Bangladesh itu telah disambut mesra oleh pihak muzium dalam satu rangka kerja yang bertujuan memperkukuh kerjasama strategik antara institusi warisan kedua-dua buah negara.

Kehadiran Mr. Jahangir Hussain yang merupakan nama besar dalam dunia pemuliharaan sejarah membawa signifikan yang cukup besar memandangkan

kepakaran luas beliau dalam pengurusan muzium serta pemeliharaan tapak warisan di peringkat global. Sepanjang lawatan rasmi tersebut, pelbagai agenda penting telah dilaksanakan, antaranya termasuklah sesi pertukaran ilmu bagi berkongsi amalan terbaik (*best practices*) dalam teknik konservasi artifak serta pengurusan galeri antara Malaysia dan Bangladesh. Selain itu, beliau turut meninjau koleksi sejarah Malaysia di bawah seliaan Jabatan Muzium Malaysia bagi menilai potensi kerjasama pameran bersama pada masa hadapan, di samping mengeratkan hubungan dua hala dalam aspek penyelidikan sejarah serta dokumentasi warisan ketara dan tidak ketara.

Dalam sesi lawatan itu juga, Mr. Jahangir Hussain berkesempatan meluangkan masa menelusuri galeri-galeri utama Muzium Negara. Beliau turut berkongsi pandangan bernas mengenai peranan penting muzium sebagai sebuah institusi pendidikan yang dinamik, khususnya dalam mendepani cabaran era digitalisasi warisan masa kini. Kunjungan tersebut diakhiri dengan harapan besar agar ia mampu membuka ruang kolaborasi yang lebih luas antara Muzium Negara dan Heritage Foundation Bangladesh, terutamanya menerusi program pertukaran pakar serta latihan teknikal bagi memperkasakan lagi keupayaan kakitangan kuratorial.

Majlis Penyerahan

PROJEK PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN BANGUNAN MUZIUM DIRAJA KUALA LUMPUR

Oleh: Arzmi bin Dulang, Muzium Diraja

KUALA LUMPUR - Pada 12 Februari 2026, Majlis Penyerahan Projek Pemuliharaan dan Pemeliharaan bangunan Muzium Diraja Kuala Lumpur telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara. Penyerahan replika kunci bangunan disampaikan oleh YBhg. Dato' Ir. Ibrahim bin Esa, Timbalan Ketua Kerja Raya (Sektor Bangunan) Jabatan Kerja Raya kepada YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid.

Hadir sama YBhg. Datuk Mohamad Azhan bin Md. Amir, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Perpaduan Negara, Encik Mohamad Shawali bin Hj. Badi, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Encik Mohd Razaimi bin Hamat, Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman) JMM, Pengarah Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur selaku Penguasa Projek, pegawai-pegawai kanan JMM dan Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan KL, pihak perunding serta pihak kontraktor.

YBhg. Ketua Setiausaha dalam ucapannya menzahirkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan pelaksanaan projek berimpak tinggi ini. Beliau menegaskan bahawa usaha pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan bersejarah bukan sahaja bertujuan memelihara struktur fizikal, malah turut mengekalkan nilai sejarah, identiti nasional serta warisan budaya negara untuk tatapan generasi akan datang.

Kerja-kerja pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan telah bermula pada 24 Mac 2023 dan siap sepenuhnya pada 15 Disember 2025. Projek yang dilaksanakan secara Konvensional Perunding (*Lead Consultant*) ini melibatkan dua buah bangunan, iaitu Balairong Seri dan Galeri Diraja, yang merangkumi pelbagai skop kerja termasuk kerja-kerja pembaikan dan pengukuhan struktur bangunan melalui kaedah konservasi, pemuliharaan elemen seni bina asal, serta pembaikan kemasidua sedia ada, di samping menaiktaraf sistem mekanikal dan elektrik.

Bangunan Muzium Diraja Kuala Lumpur merupakan bekas Istana Negara yang pernah menjadi kediaman rasmi Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong. Bangunan Warisan Kebangsaan ini merupakan aset warisan negara yang signifikan dan menjadi simbol sejarah institusi beraja di Malaysia. Pelaksanaan projek pemuliharaan dan pemeliharaan ini selaras dengan komitmen kerajaan dalam memperkukuh usaha pemeliharaan bangunan warisan serta memperkasa sektor pelancongan dan pendidikan berasaskan sejarah negara.



Ritma Muzik Malaysia: Alat Muzik Masyarakat India

Oleh: Kartina binti Abdul Khalid, Muzium Muzik

KUALA LUMPUR - Sempena sambutan Hari Thaipusam pada 2 Februari 2026, Muzium Muzik telah menganjurkan program "Ritma Muzik Malaysia: Alat Muzik Masyarakat India". Program ini merupakan salah satu usaha untuk memperkenalkan kepelbagaian alat muzik tradisional masyarakat India kepada orang ramai, khususnya pengunjung dalam kalangan kanak-kanak.

Program ini menampilkan dua pengisian utama, iaitu pameran tambahan koleksi alat muzik tradisional India serta pelaksanaan aktiviti mewarna khusus kepada pengunjung kanak-kanak. Kali ini, koleksi yang diketengahkan ialah Nadaswaram, iaitu alat muzik tiupan dalam kategori aerofon yang terkenal dalam persembahan muzik India, terutamanya dalam upacara keagamaan dan majlis perayaan dan perkahwinan. Pameran bertema ini membuka ruang kepada koleksi yang tersimpan di repositori untuk dipamerkan kepada pengunjung, selain koleksi yang sedia ada di dalam galeri.

Selain pameran fizikal, Muzium Muzik turut mempromosikan koleksi Nadaswaram melalui siaran di platform media sosial rasmi Muzium Muzik. Perkongsian tersebut telah menerima maklum balas positif, sekali gus membantu memperluaskan penyebaran maklumat berkaitan koleksi alat muzik tradisional kepada masyarakat umum.

Selain itu, pengunjung kanak-kanak juga berpeluang menyertai aktiviti mewarna alat muzik tradisional India seperti Tabla Baya, Veena, Thavil Drum, Nadaswaram dan Mridangam. Aktiviti ini bertujuan memupuk minat serta memberi pendedahan pengetahuan kepada kanak-kanak berkaitan rekabentuk dan motif yang terdapat pada alat muzik tradisional India. Penganjuran program seperti ini bukan sahaja dapat memperkenalkan keunikan alat muzik tradisional masyarakat di Malaysia malah turut menyokong usaha penyebaran dan pemuliharaan warisan seni budaya negara. Semoga program seumpama ini dapat diteruskan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan memelihara seni warisan budaya dalam bidang muzik.



Sebahagian pengunjung kanak-kanak yang terlibat dalam aktiviti mewarna alat muzik masyarakat India

Program Bicara@Muzium

MELANGKAH KE ERA DIGITAL: MUZIUM KOTA KUALA KEDAH DALAM LENSA AI

Oleh: Zaidi bin Harun, Muzium Kota Kuala Kedah

KUALA KEDAH – Muzium Kota Kuala Kedah terus mengukuhkan peranannya sebagai institusi permuziuman yang memelihara sejarah pertahanan dan kegemilangan perdagangan negeri Kedah. Menyedari kepesatan teknologi digital dan kecerdasan buatan (Artificial Intelligence - AI), muzium kini mengorak langkah proaktif untuk menyesuaikan pendekatan pameran dan promosi agar kekal relevan dalam mendepani cabaran industri kreatif serta pelancongan moden.

Sebagai menyahut cabaran tersebut, satu program Bicara@Muzium bertajuk Melangkah Ke Era Digital: Muzium Kota Kuala Kedah Dalam Lensa AI telah berjaya dilaksanakan pada 23 April 2026. Program ini menampilkan dua tokoh pakar, iaitu Encik Razlan bin Abdul Aziz (Ketua Unit Teknologi Maklumat, Jabatan Muzium Malaysia) dan Puan Siti Syamsul Nurin binti Mohamad Yazam (Pensyarah Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, UUM), manakala Ts. Syamsul Anuar bin Ismail (AMK, BCK) bertindak sebagai moderator.

Program ini bertujuan memberi pendedahan mengenai kepentingan transformasi digital serta menghuraikan kaedah inovatif dalam pembangunan pameran yang interaktif. Kehadiran peserta merangkumi pelbagai lapisan, termasuk pelajar dari UUM, UiTM, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, TVET MARA Alor Setar serta wakil agensi kerajaan dan Persatuan Sejarah Negeri Kedah.

Transformasi Digital dan Pengalaman Pengunjung

Dalam sesi pembentangan bertajuk "Inovasi Pameran Digital Menghidupkan Sejarah Kota Kuala Kedah", Encik Razlan menekankan bahawa muzium perlu berevolusi untuk memenuhi jangkaan pengunjung abad ke-21. Beliau menjelaskan bahawa penggunaan teknologi AI, animasi 3D, dan simulasi sejarah mampu menghidupkan semula artifak lama secara visual. Pendekatan ini sangat kritikal bagi menarik minat Generasi Z dan Alpha yang lebih cenderung kepada kandungan visual yang pantas berbanding paparan statik tradisional sekali gus membolehkan pelawat merasai pengalaman sejarah yang lebih imersif.



Strategi Promosi dan Pelestarian Nilai Warisan

Menyentuh aspek pemasaran pula, Puan Siti Syamsul Nurin berpendapat bahawa teknologi digital kini bukan lagi satu pilihan, malah merupakan keperluan mendesak untuk melestarikan sejarah. Melalui platform dalam talian dan media sosial, promosi muzium menjadi lebih kos efektif dan berupaya mencapai sasaran audiens dengan lebih meluas. Tambah beliau, interaksi langsung di ruang siber membolehkan pihak muzium memahami kehendak pelanggan melalui maklum balas segera, seterusnya meningkatkan kualiti perkhidmatan secara berterusan.

Walaupun bagaimanapun, beliau turut mengingatkan tentang cabaran yang hadir bersama kemajuan ini khususnya persaingan kandungan yang sengit dan aspek keselamatan data. Tegas beliau, kejayaan sesebuah muzium dalam era digital sangat bergantung kepada strategi yang efektif, namun ia mestilah diseimbangkan dengan teliti agar penggunaan teknologi tidak menjejaskan nilai keaslian sejarah serta identiti muzium itu sendiri.

Secara keseluruhannya, program ini menjadi titik tolak penting bagi Muzium Kota Kuala Kedah dalam memanfaatkan lensa AI bagi memastikan khazanah sejarah negara terus dipelihara dan dihargai oleh generasi akan datang melalui medium yang lebih segar dan inovatif.



Program Stem

Di Sekolah Rendah Sekitar Kota Setar

Oleh: Zamzarina binti Khalid, Muzium Kota Kuala Kedah

KEDAH – Pada bulan April 2026, Muzium Kota Kuala Kedah telah menerima beberapa jemputan bagi mengadakan aktiviti STEM yang ditaja oleh Yayasan MR. DIY. Program ini merupakan hasil kerjasama strategik antara Yayasan MR. DIY dan Jabatan Muzium Malaysia dalam usaha memperkasa pendidikan STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) melalui pendekatan pembelajaran interaktif serta berasaskan aktiviti *hands-on*.

Sepanjang pelaksanaan program ini, Muzium Kota Kuala Kedah telah mengadakan sesi jelajah pendidikan ke beberapa buah sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan Dato' Wan Mohd Saman, Sekolah Kebangsaan Peremba, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Sin Min dan Sekolah Kebangsaan Telaga Mas dengan jumlah penyertaan seramai 980 orang pelajar. Pendekatan ini memberi peluang kepada pihak muzium untuk membawa ilmu sejarah terus ke persekitaran sekolah sekali gus memudahkan pelajar mengakses pembelajaran secara lebih dekat dan santai.

Program dimulakan dengan sesi taklimat pengenalan serta kuiz interaktif berkaitan sejarah Kota Kuala Kedah yang dikendalikan oleh kakitangan muzium. Melalui pendekatan yang santai dan berinformasi, para pelajar diperkenalkan dengan latar belakang kota sebagai kubu pertahanan penting suatu ketika dahulu, peranannya dalam perdagangan serta kepentingannya dalam sejarah negeri Kedah. Usaha ini bertujuan memupuk minat serta kesedaran dalam kalangan pelajar terhadap kepentingan memelihara warisan sejarah sebagai sebahagian daripada identiti negara.

Seterusnya, para pelajar diberi peluang menyertai aktiviti pemasangan kit STEM yang telah disediakan. Setiap kit direka dengan pendekatan saintifik yang merangkumi konsep seperti tenaga elektrik, sistem hidraulik dan tenaga kinetik. Aktiviti ini bukan sahaja menguji kemahiran berfikir dan kreativiti pelajar, malah membantu mereka memahami aplikasi konsep sains dalam kehidupan seharian secara praktikal.

Melalui pendekatan “muzium ke sekolah”, institusi muzium dilihat lebih proaktif dalam menyampaikan ilmu kepada generasi muda. Kaedah ini juga membantu mengubah persepsi bahawa pembelajaran sejarah hanya terhad di dalam bangunan muzium, sebaliknya boleh disampaikan secara bergerak, interaktif dan lebih dekat dengan pelajar.

Secara keseluruhannya, program ini berjaya memberi pengalaman pembelajaran yang holistik kepada para pelajar. Mereka bukan sahaja dapat menerokai dunia Sains dan Matematik dengan cara yang menyeronokkan, malah turut didedahkan kepada nilai sejarah dan warisan negara. Inisiatif seperti ini diharapkan dapat melahirkan generasi muda yang bukan sahaja celik STEM, tetapi juga menghargai sejarah serta mempunyai jati diri yang kukuh sebagai rakyat Malaysia.



LAWATAN KERJA

YB DATO' AHMAD SUIDI BIN ABDUL RAHIM, SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK KE MUZIUM PERAK, TAIPING

Oleh: Selvaraju A/L M. Pichaimuthu, Muzium Perak, Taiping

TAIPING - 24 April 2026, Muzium Perak, Jabatan Muzium Malaysia telah menerima kunjungan rasmi YB Dato' Ahmad Suidi bin Abdul Rahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Lawatan ini turut disertai oleh beberapa pegawai kanan termasuk Pegawai Daerah Larut, Matang dan Selama, YBrs. Encik Mohd Nasrul bin Menhat; Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping, YBrs. Encik Mohamed Akmal bin Dahalan; serta Pengarah Lembaga Muzium Negeri Perak, YBrs. Encik Mohamad Amir bin Mohd Dahalan,

Rombongan disambut mesra oleh pegawai dan kakitangan Muzium Perak, mencerminkan komitmen warga muzium dalam memperkukuh hubungan strategik dengan Kerajaan Negeri Perak serta agensi-agensi berkaitan Sepanjang lawatan, YB Dato' Ahmad Suidi telah diberikan taklimat mengenai sejarah penubuhan Muzium Perak, peranan institusi permuziuman, pengurusan koleksi serta bahan nadi di Perpustakaan Penyelidikan Muzium Perak.

Lawatan diteruskan ke galeri pameran dan perpustakaan, di mana beliau menzahirkan rasa kagum terhadap koleksi warisan bernilai tinggi serta usaha pemeliharaan dan pendigitalan oleh Jabatan Muzium Malaysia. Lawatan ini memberi impak positif dalam memperkukuh kedudukan Muzium Perak sebagai institusi rujukan sejarah, pusat pendidikan warisan dan tarikan pelancongan utama di Taiping, di samping membuka ruang kerjasama strategik yang lebih meluas.

Program diakhiri dengan sesi menandatangani Buku Lawatan VVIP Muzium Perak, penyerahan plak cenderamata serta sesi bergambar bersama rombongan dan warga Muzium Perak.

Kunjungan Hormat Muzium Muzik Ke Momi@Finas Memperkasa Jalinan Strategik

Oleh: Kartina Binti Abdul Khalid, Muzium Muzik



PETALING JAYA, SELANGOR - Pada 12 Februari 2026, satu kunjungan hormat oleh pihak Muzium Muzik ke *Museum Of Moving Image (MOMI@FINAS)* telah diadakan bagi membuka peluang jaringan kerjasama strategik serta mengeratkan hubungan dua hala antara kedua-dua agensi dalam perancangan program yang bersesuaian.

Ketibaan pihak Muzium Muzik telah disambut oleh Encik Ahmad Junaidi Reappai, Ketua Penolong Pengarah, Unit Mediatheque. Kami kemudian dibawa melawat ruang pameran di 'Laluan P. Ramlee' dinamakan sempena nama beliau kerana kebanyakan peralatan yang dipamerkan digunakan pada zaman kegemilangan filemnya. Laluan ini merupakan sebahagian daripada pameran tetap MOMI@FINAS yang menempatkan lebih 100 koleksi perfileman negara.

Antara koleksi yang dipamerkan termasuk kamera klasik, peralatan suntingan, mikrofon, projektor, trofi anugerah, bahan negatif dan positif filem serta pelbagai peralatan berkaitan industri perfileman tanah air. Lawatan tersebut turut memberi peluang kepada pihak Muzium Muzik melihat secara dekat kaedah penyimpanan bahan negatif dan positif filem yang ditempatkan di ruang simpanan khas dengan pemantauan berkala dan sistem penghawa dingin beroperasi 24 jam bagi memastikan tahap pemeliharaan yang optimum.

Dalam sesi perbincangan, pihak MOMI@FINAS tertarik dengan beberapa program anjuran Muzium Muzik yang berpotensi untuk dilaksanakan secara kolaboratif. Antaranya termasuk *Bicara@Muzium Muzik*, Program *Art Show*, Ritma Muzik Malaysia, program cuti sekolah, jangkauan dalam (*inreach*) dan jangkauan luar (*outreach*).

Secara keseluruhannya, Muzium Muzik terus memperluaskan usaha dalam membina jaringan strategik bagi mengembangkan aspek-aspek yang boleh dikaitkan dengan koleksi alat muzik tradisional di Malaysia, terutamanya instrumen, audio dan video klasik. Oleh itu, melalui kerjasama ini, Muzium Muzik dapat memperkasa pelaksanaan program yang lebih berinformatif, interaktif dan berimpak tinggi kepada para pengunjung.



Antara koleksi yang dipamerkan di MOMI@FINAS

LAWATAN KEILMUAN SM SAINS KE MUZIUM LABUAN

Oleh : Zainon binti Halon, Muzium Labuan



LABUAN – Pada 15 Januari 2026, bersempena dengan penganjuran Minggu Silaturrahim Sekolah Menengah Sains Labuan (SMSL), satu program lawatan keilmuan ke Muzium Labuan telah dianjurkan bagi memberi pendedahan kepada para pelajar tentang sejarah serta warisan budaya yang terdapat di Labuan. Program ini melibatkan seramai 130 orang pelajar terdiri daripada pelajar Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 dengan diiringi oleh fasilitator masing-masing daripada pelajar Tingkatan 5 serta empat orang guru pengiring. Selain menjadi platform pembelajaran di luar bilik darjah, program ini juga memberi peluang kepada para pelajar untuk berinteraksi dengan lebih dekat bersama mentor dalam suasana yang lebih santai di muzium.

Sepanjang lawatan berlangsung, para pelajar mengikuti aktiviti pengisian bertemakan "*Kenali Sejarah dan Budaya Labuan*" yang dikendalikan oleh kakitangan muzium. Melalui sesi ini, para pelajar didedahkan kepada pelbagai maklumat berkaitan sejarah perkembangan Labuan, kepelbagaian budaya masyarakat setempat serta kepentingan memelihara warisan sejarah negara. Seterusnya, para pelajar turut berpeluang menyertai aktiviti "*Terokai Muzium Labuan*", iaitu sesi penerokaan galeri pameran yang menempatkan pelbagai koleksi artifak dan bahan sejarah berkaitan Labuan. Melalui aktiviti ini, para pelajar dapat melihat sendiri bukti-bukti sejarah seperti peninggalan zaman penjajahan, perkembangan ekonomi serta peristiwa-peristiwa penting yang membentuk identiti Pulau Labuan.

Secara keseluruhannya, lawatan keilmuan ini bukan sahaja berjaya menambahkan ilmu pengetahuan para pelajar, malah turut menonjolkan peranan muzium sebagai institusi pendidikan yang penting. Diharapkan agar program seperti ini dan yang seumpamanya dapat diteruskan pada masa hadapan bagi melahirkan pelajar yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik, malah mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap sejarah dan budaya negara.

PAMERAN NARATIF: MENCIPTA MASA DEPAN MELALUI REKA BENTUK TEKSTIL RASMI DIBUKA DI MUZIUM TEKSTIL NEGARA

Oleh: Fadhlitun binti Azmi, Muzium Tekstil Negara

KUALA LUMPUR – Pameran *Naratif: Mencipta Masa Depan Melalui Reka Bentuk Tekstil* telah dirasmikan oleh YBrs. Encik Mohamad Shawali bin Haji Badi, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Jabatan Muzium Malaysia (JMM) pada 15 Februari 2026 bertempat di Lobi Kaca, Muzium Tekstil Negara (MTN).

Majlis tersebut turut dihadiri oleh YBrs. Prof. Madya Dr. Zainuddin Ibrahim, Timbalan Dekan (Hal Ehwal Akademik), Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA (UiTM); YM Tengku Intan Rahimah binti Tengku Mat Saman, Pengarah Muzium Tekstil Negara; pegawai-pegawai kanan Jabatan Muzium Malaysia; pensyarah UiTM; para pelajar serta jemputan lain. Sebagai simbolik perasmian, YBrs. Encik Mohamad Shawali telah dijemput mengimbas paparan digital pada sebuah tablet khas yang seterusnya menayangkan video montaj pameran, sekali gus menandakan pembukaan rasmi pameran tersebut kepada umum. Pameran yang berlangsung mulai 15 Februari hingga 31 Mei 2026 di Galeri Saindera, Muzium Tekstil Negara ini merupakan hasil kerjasama strategik antara Jabatan Muzium Malaysia melalui Muzium Tekstil Negara dan Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam. Pameran ini menampilkan hasil karya 16 pelajar tahun akhir Program Sarjana Muda Kepujian Seni Reka Teknologi Tekstil, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, UiTM.

Kerjasama antara Jabatan Muzium Malaysia dan UiTM telah terjalin melalui Memorandum Persefahaman (MoU) sejak tahun 2016 dan terus diperkukuh melalui pelbagai program kolaboratif dalam bidang pendidikan serta permuziuman. Pameran ini menjadi kesinambungan usaha memperkasa sinergi antara institusi akademik dan muzium dalam membentuk ekosistem industri kreatif yang mampan.

Penganjuran pameran ini selari dengan aspirasi Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Perpaduan Negara dalam memperkukuh perpaduan melalui penghayatan dan pemeraksanaan warisan



Simbolik perasmian oleh YBrs. Encik Mohamad Shawali dengan mengimbas paparan digital pada sebuah tablet khas yang seterusnya menayangkan video montaj pameran sebagai menandakan pembukaan rasmi pameran ini kepada umum.

budaya. Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan Jabatan Muzium Malaysia dalam memastikan warisan tekstil negara terus dipelihara serta diwarisi oleh generasi akan datang. Berteraskan konsep naratif, setiap karya dalam pameran ini menggunakan tekstil sebagai medium penceritaan yang merangkumi tema identiti budaya, isu sosial dan alam sekitar serta eksperimen teknikal dalam konteks kontemporari. Para pelajar berjaya menterjemahkan bahan kajian kepada seni reka permukaan tekstil yang kreatif dan inovatif melalui gabungan teknik tradisional seperti batik, teknik resis, percetakan tekstil dan tenunan, bersama pendekatan kontemporari termasuk instalasi tekstil dan penghasilan produk fesyen komersial. Pameran ini turut memperlihatkan bagaimana tekstil berfungsi bukan sahaja sebagai medium ekspresi artistik, malah sebagai wahana pendidikan dan kesedaran terhadap isu kelestarian. Penggunaan bahan alternatif serta proses berimpak rendah membuktikan bahawa reka bentuk tekstil mampu disepadukan dengan prinsip tanggungjawab sosial dan pemeliharaan alam sekitar. Turut diadakan dua aktiviti sokongan sempena pameran ini iaitu Bicara Tekstil serta Bengkel Ikat dan Celup yang telah dilaksanakan pada 16 Februari bagi memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai seni serta teknik penghasilan tekstil.



Program Eksplorasi @Muzium 4.0:

MUZIUM GERBANG TAMADUN MELAYU DI MUZIUM NEGARA

Oleh: Nik Aesya binti Nik Ahmad Kamal, Kurator Muzium Negara



KUALA LUMPUR - Seiring dengan peranan muzium sebagai sebuah institusi pendidikan yang memupuk kesedaran sejarah dalam kalangan masyarakat, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya (APM UM) sekali lagi telah memilih Muzium Negara sebagai lokasi untuk penganjuran Program Eksplorasi @Muzium 4.0 yang bertemakan "Muzium Gerbang Tamadun Melayu". Program ini merupakan tahun keempat dijalankan di Muzium Negara bersempena dengan kerjasama dibawah inisiatif Jabatan Pengurusan Bersama Jabatan Muzium Malaysia (JPB JMM). Program ini telah diadakan pada 19 Januari 2026 yang melibatkan beberapa lokasi muzium utama iaitu Muzium Negara, Muzium Etnologi Dunia Melayu, Muzium Kraf Orang Asli dan Muzium Muzik.

Seramai 175 orang pelajar kursus Tamadun Melayu dan Pengajian Melayu Berteraskan Islam telah menyertai program ini bersama 13 orang pensyarah pengiring. Antara objektif utama program ini iaitu untuk meningkatkan kefahaman pelajar tentang peranan muzium sebagai gerbang tamadun bangsa, mendedahkan mereka kepada pengurusan koleksi warisan tamadun Melayu serta memupuk kesedaran, kemahiran dan sikap prihatin pelajar dalam usaha memulihara khazanah warisan negara. Melalui pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman, pelajar dapat memahami dengan lebih mendalam nilai sejarah, budaya dan identiti bangsa Melayu.

Program bermula seawal jam 9.00 pagi dengan taklimat program sebelum diteruskan dengan sesi Eksplorasi Muzium. Para pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan untuk menjalankan aktiviti pembelajaran secara langsung di muzium-muzium yang terlibat serta menghasilkan kandungan video berkaitan Pembinaan Negara Bangsa. Majlis penutup telah disempurnakan oleh Timbalan Dekan Akademi Pengajian Melayu UM, Dr Mashrom Muda disusuli dengan penyampaian hadiah kepada lima kumpulan dengan markah Eksplorasi Muzium tertinggi dan video terbaik serta sesi fotografi.

Program Eksplorasi @Muzium 4.0 ini berjaya mencapai objektifnya dalam memupuk kesedaran tentang kepentingan warisan tamadun Melayu dalam kalangan mahasiswa. Melalui pendekatan pembelajaran di luar bilik kuliah, para pelajar bukan sahaja dapat menambah ilmu baharu tentang kepentingan institusi per muzium, malah turut membina kemahiran komunikasi, pemikiran kritis, kreativiti dan kerja berpasukan selaras dengan keperluan pendidikan abad ke-21. Diharapkan program seperti ini dapat diteruskan pada masa hadapan sebagai platform memperkukuh jati diri bangsa, memartabatkan warisan Melayu serta melahirkan generasi intelektual yang bersedia menghadapi cabaran dunia moden.

TAKLIMAT KESEDARAN PENGURUSAN KEWANGAN DAN PERANCANGAN PERSARAAN KWSP

Oleh : Zainon binti Halon, Muzium Labuan



LABUAN – 4 Februari 2026, PKSR JMM Wilayah Labuan dengan kerjasama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Wilayah Persekutuan Labuan telah menganjurkan Taklimat Kesedaran Pengurusan Kewangan dan Perancangan Persaraan yang bertujuan meningkatkan kesedaran kakitangan terhadap kepentingan pengurusan kewangan yang berhemah serta perancangan persaraan yang lebih teratur.

Sepanjang sesi taklimat berlangsung, para peserta telah diberikan penerangan oleh wakil KWSP Wilayah Persekutuan Labuan berkaitan pengurusan simpanan, kemudahan serta pelbagai inisiatif yang disediakan oleh KWSP kepada para pencarum. Antara inti pati utama taklimat iaitu mengenai manfaat mencarum dalam program i-Saraan. Program ini merupakan skim caruman sukarela yang diperkenalkan oleh KWSP khusus untuk ahli atau individu yang bekerja sendiri atau tiada pendapatan tetap bagi membantu mereka membuat simpanan persaraan secara konsisten. Melalui skim ini, pencarum boleh membuat caruman mengikut kemampuan masing-masing pada bila-bila masa sepanjang tahun. Sebagai galakan, kerajaan turut menyediakan insentif khas dalam bentuk sumbangan tambahan berdasarkan jumlah caruman yang dibuat, tertakluk kepada had yang ditetapkan. Selain itu, pencarum i-Saraan layak menerima dividen tahunan KWSP serta menikmati perlindungan di bawah skim bantuan kematian. Program ini juga membuka ruang kepada kakitangan untuk mendapatkan penjelasan lanjut mengenai kemudahan-kemudahan yang ditawarkan oleh KWSP seterusnya mendaftar sebagai pencarum i-Saraan.

Penganjuran taklimat ini diharap dapat memberikan manfaat dalam meningkatkan kesedaran warga jabatan mengenai kepentingan pengurusan kewangan yang bijak serta perancangan persaraan bagi membantu mereka merancang masa depan kewangan yang lebih terjamin dan sejahtera.

Penyelidikan Lanjutan Nisan Lama di Tapak-Tapak Perkuburan Labuan

Oleh : Zainon binti Halon, Muzium Labuan



LABUAN - Penyelidikan nisan lama yang dilaksanakan pada tahun 2025 oleh Muzium Labuan telah melibatkan sebanyak 27 buah tapak perkuburan di sekitar Wilayah Persekutuan Labuan. Kajian lapangan tersebut memberi tumpuan utama kepada perkuburan Islam, di samping beberapa tapak perkuburan masyarakat pagan Kadazan-Dusun. Hasil kajian awal mendapati bahawa nisan di tapak-tapak perkuburan berkenaan memiliki keunikan tersendiri serta nilai signifikan dalam konteks pemeliharaan warisan sejarah dan budaya negara, khususnya berkaitan sejarah tempatan di Wilayah Persekutuan Labuan. Walau bagaimanapun, kajian ini berhadapan dengan beberapa kekangan dalam usaha mendapatkan maklumat yang lebih terperinci, antaranya keterbatasan data sejarah di sesetengah tapak perkuburan serta kekurangan sumber primer dan sekunder yang boleh dijadikan rujukan. Justeru, keperluan untuk memperluaskan lokasi dan skop penyelidikan telah dikenal pasti bagi menghasilkan dapatan kajian yang lebih komprehensif dan menyeluruh.

Bagi memenuhi keperluan tersebut, penyelidikan fasa kedua telah dilaksanakan pada 11 hingga 17 Februari 2026 dengan menggunakan pendekatan kajian lapangan di beberapa tapak perkuburan Islam dan masyarakat Kadazan-Dusun di negeri Sabah. Penyelidikan ini bertujuan mengumpul, menganalisis serta melengkapkan dapatan kajian sedia ada. Pemilihan Sabah sebagai lokasi kajian lanjutan adalah berasaskan hubungan sejarah yang erat antara Sabah dan Labuan, khususnya dari aspek migrasi etnik serta interaksi budaya antara masyarakat di kedua-dua wilayah tersebut. Melalui peluasan lokasi kajian ini, lebih banyak bukti sejarah dan warisan tempatan berpotensi untuk diterokai, sekaligus menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang perkembangan sosio-budaya masyarakat pribumi di Sabah dan kaitannya dengan sejarah masyarakat awal di Labuan. Sepanjang tempoh penyelidikan dijalankan, pasukan penyelidik Muzium Labuan telah menerima kerjasama daripada Muzium Sabah, melalui Bahagian Antikuiti dan Warisan serta Bahagian Arkeologi dan Tamadun Islam. Selain itu, kerjasama turut dijalin dengan Majlis Ugama Islam Negeri Sabah (MUIS), Jabatan Hal Ehwal

Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS), serta Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa. Jalinan kerjasama ini memperkukuh proses pengumpulan data, perkongsian kepakaran, serta pengesahan maklumat berkaitan sejarah dan warisan nisan lama di Wilayah Persekutuan Labuan dan seterusnya di Sabah.

Perkuburan Islam Kampung Manggis, Kuala Penyu Sabah

Tinjauan di tapak perkuburan ini mendapati adanya beberapa struktur kubur lama serta nisan tanpa catatan yang dipercayai daripada batu laut atau batu sungai yang diperoleh dari kawasan berhampiran. Reka bentuk nisan di kawasan ini memperlihatkan perbezaan yang jelas antara kubur jenazah lelaki dan wanita, sebagaimana yang turut ditemukan di Wilayah Persekutuan Labuan. Nisan bagi jenazah lelaki, sama ada daripada kayu atau batu, lazimnya berbentuk ringkas dan sederhana. Sebaliknya, nisan bagi jenazah wanita lebih dekoratif dengan bentuk menyerupai mahkota bercabang dua atau tiga yang menonjolkan nilai estetika. Selain itu, terdapat juga nisan yang berbentuk seakan-akan tubuh manusia serta memaparkan inskripsi kalimah Allah. Inskripsi Jawi dalam bahasa Melayu turut diaplikasikan pada kebanyakan nisan di kawasan ini. Malah penggunaan nisan mengikut tradisi masyarakat setempat masih diamalkan bagi pengebumian baharu, meskipun terdapat kecenderungan terhadap reka bentuk yang lebih kontemporari. Amalan ini menunjukkan bahawa masyarakat setempat masih mengekalkan unsur seni dan budaya tradisi dalam praktik pengebumian mereka.

Kunjungan Ke Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (PPIB)

Satu kunjungan rasmi telah diadakan ke Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi membincangkan potensi kerjasama dalam penyelidikan nisan lama Labuan. Kunjungan ini bertujuan menjalin kerjasama strategik dalam pelaksanaan kajian, termasuk perkongsian kepakaran, maklumat serta idea berkaitan penyelidikan tersebut. Sepanjang sesi kunjungan, pihak Muzium Labuan telah disantuni oleh Dr. Masyella binti Masbaka, Pensyarah Kanan PPIB; dan Dr. Daron Benjamin

Loo, Timbalan Dekan Penyelidikan, Inovasi dan Khidmat Komuniti merangkap Pensyarah Kanan PPIB. Perbincangan tertumpu kepada pelaksanaan kajian fizikal terhadap nisan-nisan lama di Labuan dengan memanfaatkan kepakaran pihak UMS, di samping kolaborasi dalam aspek pendokumentasian serta penerbitan hasil penyelidikan.

Muzium Tapak Perkuburan Purba Komuniti Pogunon, Penampang Sabah

Pada hari kedua penyelidikan, pasukan penyelidik bersama Muzium Sabah telah melawat ke Muzium Tapak Perkuburan Purba Komuniti Pogunon di daerah Penampang. Tapak perkuburan purba di kawasan muzium ini merupakan satu-satunya kuburan kuno yang tersusun dan mempunyai nilai sejarah penting di daerah tersebut. Tapak ini ditemui secara tidak sengaja semasa kerja-kerja pembinaan bangunan Tabika KEMAS di Kampung Pogunon. Di lokasi berkenaan, telah ditemui beberapa tempayan pengebumian yang mengandungi rangka manusia, serpihan tempayan lama serta artifak seramik biru putih berbentuk piring dan mangkuk. Menurut Encik James, petugas muzium berkenaan, kubur-kubur purba ini dipercayai berkaitan dengan tradisi pengebumian masyarakat Kadazan-Dusun, termasuk golongan yang dikaitkan dengan pemburu kepala. Tafsiran berkenaan disokong oleh kesan tetakan pada batu nisan yang dipercayai menandakan jumlah kepala yang berjaya dipenggal oleh simati. Lawatan ini telah memberikan peluang kepada pasukan penyelidik untuk meneliti budaya pengebumian masyarakat pribumi di Sabah, khususnya masyarakat Kadazan-Dusun yang menggunakan batu pasir sungai bersaiz besar atau megalit sebagai penanda kubur.

Tapak-Tapak Perkuburan Islam Putatan Sabah

Pasukan penyelidik turut berkesempatan mengadakan kunjungan hormat ke Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) bagi membincangkan serta bertukar pandangan mengenai cadangan penyelidikan berkaitan nisan lama di tapak-tapak perkuburan Islam di negeri Sabah yang berpotensi dijadikan lokasi kajian, disamping mengeratkan hubungan dua hala serta memperkukuh kerjasama strategik antara kedua-dua agensi.

Susulan daripada kunjungan tersebut, penyelidikan lapangan telah dilaksanakan dengan kerjasama pihak MUIS dan JHEAINS. Antara lokasi yang dilawati termasuklah makam Allahyarham Tun Datu Mustapha bin Datu Harun, mantan Yang di-Pertua Negeri Sabah, Perkuburan Islam Belud Oyo di Kampung Ketiau serta Perkuburan Islam Taman Firdaus di Kampung Meruntum. Hasil tinjauan di lokasi-lokasi ini telah menemukan beberapa keunikan serta dapatan sejarah yang signifikan, khususnya berkaitan hubungan antara Sabah dan Kerajaan Brunei yang telah terjalin sejak sekian lama. Di perkuburan Belud Oyo, antara keunikan yang dikenal pasti di tapak perkuburan ini ialah reka bentuk nisan kayu yang menyerupai seperti bentuk tubuh manusia dan penggunaan dua nisan yang berbeza saiz dalam satu kubur. Reka bentuk ini memperlihatkan ciri simbolik yang tersendiri serta mencerminkan identiti budaya masyarakat setempat. Manakala di perkuburan Islam Taman Firdaus, terdapatnya pusara-pusara kerabat Sultan Brunei dan pusara golongan alim ulama diraja yang berperanan menyebarkan dan mengajarkan ajaran Islam kepada masyarakat setempat pada suatu ketika dahulu.

Tidak jauh dari lokasi tersebut terdapat dua makam diraja Brunei yang menjadi antara lokasi penting dalam menelusuri sejarah hubungan politik dan pentadbiran Kesultanan Brunei di pesisir barat Sabah. Salah satu daripadanya ialah makam Pengiran Anak Untong, yang pernah menjadi pemerintah serta Yang Dipertuan Tanah Tulen Dumpil, Meruntum sekitar tahun 1730 hingga 1790. Pengiran Anak Untong merupakan anakanda kepada Sultan Hussin Kamaluddin, Sultan Brunei ke-16 yang memerintah dari tahun 1710 hingga 1730 dan sekali lagi pada tahun 1737 hingga 1740. Berhampiran dengan makam berkenaan terletaklah makam Almarhum YTM Pengiran Kermaraja, iaitu anakanda kepada Pengiran Anak Untong. Dalam kesempatan lawatan tersebut, pasukan penyelidik turut memperoleh data salasilah waris keturunan Almarhum YTM Pengiran Kermaraja di Meruntum daripada Encik Mohd Alias, yang merupakan waris generasi ketujuh baginda. Maklumat salasilah tersebut telah disahkan oleh Pusat Sejarah Brunei sebagai rujukan rasmi.

Tapak Perkuburan Masyarakat Bajau Pulau Omadal, Semporna, Sabah

Kunjungan ke Pulau Omadal yang mengambil masa kira-kira 45 minit dengan menaiki bot dari Pekan Semporna telah memberi peluang kepada pasukan

penyelidik untuk meninjau secara langsung keunikan nisan-nisan penanda kubur masyarakat Bajau yang sarat dengan pelbagai bentuk dan ukiran tradisional. Tapak perkuburan tradisi di pulau ini turut berfungsi sebagai tanah perkuburan bagi masyarakat Bajau dari pulau-pulau berhampiran seperti Pulau Bum Bum serta kawasan tanah besar di sekitar Semporna. Berdasarkan maklumat lisan masyarakat setempat, tapak perkuburan di Pulau Omadal dipercayai telah wujud lebih awal daripada pembentukan perkampungan di pulau ini. Hal berkenaan adalah kerana pada suatu ketika dahulu masyarakat Bajau hidup secara nomadik di laut dengan menetap di dalam perahu, manakala Pulau Omadal dijadikan sebagai lokasi khusus untuk pengebumian.

Pemerhatian terhadap reka bentuk nisan menunjukkan persamaan dengan nisan-nisan lain di rantau ini. Bagi jenazah lelaki, nisan lazimnya lebih ringkas, berbentuk bulat atau segiempat tegap, manakala bagi jenazah wanita, nisan cenderung berbentuk leper dan memanjang ke atas. Bagi kanak-kanak lelaki atau perempuan, reka bentuk nisan menyerupai nisan dewasa, tetapi bersaiz lebih kecil dan rendah. Sebelum penggunaan kayu tahan lama seperti kayu belian, kayu selangan batu, dan kayu merbau, nisan-nisan di pulau ini diperbuat daripada batu menhir dan batu karang yang mudah diperolehi dari laut berhampiran. Ukiran pada nisan pula menampilkan motif flora dan sering disertakan dengan inskripsi dalam tulisan Jawi atau Arab, mencerminkan pengaruh seni Islam serta amalan tradisional dalam pembuatan nisan. Dalam masyarakat Bajau, nisan lelaki yang dikenali sebagai *Sunduk Lallah* dan nisan wanita yang dikenali sebagai *Sunduk Danda* atau *Sunduk Randa* merupakan manifestasi bentuk fizikal manusia yang dibahagikan kepada tiga bahagian utama, iaitu kepala, badan dan kaki nisan. Pembahagian ini memperlihatkan unsur simbolik yang mencerminkan pemahaman masyarakat terhadap struktur tubuh manusia dalam seni pembuatan nisan tradisional. Berdasarkan temubual dengan Encik Tularan bin Sabtuari, seorang penduduk tempatan yang juga petugas di Muzium Nisan Purba di Pulau Omadal, kaedah pengebumian masyarakat Bajau di kawasan tersebut mengikut susunan kekeluargaan. Setiap ahli keluarga yang meninggal dunia akan disemadikan dalam satu kubur yang sama, dengan kedudukan jenazah disusun secara membujur atau melintang mengikut tradisi keluarga. Sehubungan itu, tulang-temulang ahli keluarga yang telah terlebih dahulu dikebumikan akan dibongkar dan disusun

semula bagi memberi ruang kepada pengebumian ahli keluarga yang baharu di dalam kubur yang sama. Amalan ini memperlihatkan konsep kesinambungan hubungan kekeluargaan serta ikatan antara generasi dalam tradisi pengebumian masyarakat Bajau. Pada masa kini, penggunaan nisan yang lebih kontemporari mula diperkenalkan, berikutan ketiadaan pembuat mahir yang mampu menghasilkan nisan tradisional mengikut teknik dan bentuk asal.

Lawatan ke tapak-tapak warisan arkeologi Bukit Tengkorak, Semporna dan Agop Batu Tulug, Kinabatangan, Sabah.

Dalam penyelidikan ini, pasukan penyelidik turut dibawa oleh pihak Muzium Sabah ke beberapa tapak warisan arkeologi purba yang terkenal dengan warisan pengebumian keranda kayu di Sabah. Antara tapak yang dikunjungi ialah Bukit Tengkorak, kira-kira 10 kilometer ke selatan Pekan Semporna, sebuah bukit setinggi 600 kaki dari aras laut yang terkenal sebagai kilang pembuatan tembikar terbesar di Asia Tenggara berusia sekitar 3,000 tahun dan tapak pengebumian manusia Neolitik. Sementara itu, Agop (Gua) Batu Tulug di Kinabatangan menempatkan lebih 125 keranda kayu berusia lebih 500 tahun daripada masyarakat Orang Sungai. Lawatan ke tapak-tapak ini dapat memberi nilai tambah kepada output kajian penyelidikan nisan lama yang sedang dijalankan. Walaupun bentuk pengebumian di kedua-dua lokasi ini berbeza daripada tradisi nisan batu atau kayu di tanah perkuburan Islam, kajian perbandingan terhadap amalan pengebumian, penggunaan bahan seperti kayu tahan lama serta simbolisme dalam struktur keranda dapat membantu penyelidik memahami evolusi budaya kematian di Sabah secara lebih mendalam.

Secara keseluruhannya, penyelidikan ini telah memberikan pemahaman yang lebih menyeluruh mengenai kepelbagaian bentuk nisan, bahan pembuatan, simbolisme serta kaedah pengebumian yang dipengaruhi oleh latar budaya dan tempoh sejarah yang berbeza. Kajian perbandingan antara nisan lama di Labuan dan Sabah turut mengukuhkan rekod sejarah serta nilai warisan yang berkaitan dengan masyarakat tempatan. Pada masa yang sama, dapatan kajian ini menyediakan asas penting bagi penyelidikan jangka panjang yang menumpukan kepada interaksi budaya, perkembangan tradisi pengebumian serta usaha pemeliharaan dan pemuliharaan warisan nisan lama, khususnya di wilayah Borneo.



Aktiviti Mewarna Alat Muzik 'Yueqin' Meriahkan Cuti Tahun Baharu Cina di Muzium Muzik

Oleh: Kartina binti Abdul Khalid, Muzium Muzik

KUALA LUMPUR - Sempena cuti Tahun Baharu Cina pada 17 dan 18 Februari 2026, Muzium Muzik telah melaksanakan program Ritma Muzik Malaysia: Alat Muzik Masyarakat Cina sebagai salah satu tarikan utama kepada pengunjung. Pengisian bagi program ini adalah mewarna alat muzik Yueqin sebagai usaha memperkenalkan segmen alat muzik masyarakat Cina, khususnya kanak-kanak. Alat muzik ini diklasifikasikan dalam keluarga kordofon iaitu alat muzik bertali. Nama Yueqin bermaksud "qin bulan" merujuk kepada bentuk badannya yang bulat seperti bulan penuh. Alat muzik ini lazimnya digunakan semasa persembahan tradisional dan muzik masyarakat Cina.

Bagi menjayakan aktiviti ini, replika Yueqin bersaiz 35cm x 16cm telah dihasilkan menggunakan bahan kotak beralun (corrugated box) yang dipotong mengikut bentuk asal alat muzik tersebut. Peserta kanak-kanak diberi kebebasan memilih pelbagai rekacorak menarik untuk menghiasi bahagian permukaan replika, antaranya motif awan, naga dan bunga *peony*. Seterusnya, mereka mewarnakan corak pilihan menggunakan media cat air dan turut boleh memasang tali tangsi pada replika tersebut untuk melengkapkan ciri-ciri asas alat muzik Yueqin.

Aktiviti kreatif ini bertujuan memberi pendedahan awal kepada kanak-kanak mengenai bentuk, struktur serta ciri asas Yueqin sebagai salah satu alat muzik Cina yang mempunyai nilai sejarah dan estetika tersendiri. Melalui pendekatan pembelajaran secara santai dan *hands-on*, peserta bukan sahaja berpeluang mengenali alat muzik tersebut, malah dapat menzahirkan kreativiti masing-masing melalui aktiviti seni visual.

Penganjuran aktiviti kreatif seumpama ini dapat memperkenalkan kepelbagaian alat muzik masyarakat Malaysia terutama kepada generasi muda, selaras dengan peranan Muzium Muzik sebagai institusi yang bertanggungjawab memelihara seni warisan negara dan pengembangan ilmu.



USAHA PERKUKUH PERPADUAN: JABATAN MUZIUM MALAYSIA TEROKA PELUANG KERJASAMA STRATEGIK BERSAMA UTUSANTV

Oleh: Norhidayah binti Ramely, Bahagian Komunikasi Korporat

KUALA LUMPUR - 9 Februari, Usaha mengukuhkan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum di negara ini menjadi fokus utama dalam jalinan kerjasama strategik yang bakal dirintis antara Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dan portal berita arus perdana, UtusanTV. Hasrat untuk meneroka peluang kolaboratif tersebut telah disampaikan secara rasmi menerusi satu sesi kunjungan hormat yang diadakan di ibu kota.

Delegasi UtusanTV yang diketuai oleh Ketua Pengarangnya, Metra Syahril Mohamed telah disambut mesra oleh Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman) JMM, Encik Mohd Razaimi bin Hamat. Pertemuan tersebut turut dihadiri oleh Pengarah Muzium Negara, Encik Zamrul Amri bin Zakaria dan Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat JMM, Puan Miti Fateema Sherzeella Mohd Yusoff, bagi membincangkan ruang sinergi yang boleh dimanfaatkan oleh kedua-dua pihak.

Sebagai sebuah jabatan di bawah naungan Kementerian Perpaduan Negara, Jabatan Muzium Malaysia yang kini mengendalikan 22 buah muzium di seluruh negara memikul mandat yang jelas dalam pembentukan negara bangsa serta mengetengahkan elemen perpaduan melalui khazanah sejarah dan warisan negara. Peranan ini dilihat sejajar dengan fungsi UtusanTV sebagai platform media yang mempunyai pengaruh besar dengan capaian melebihi enam juta pengikut di seluruh rangkaian media sosialnya.

Kunjungan ini merupakan langkah awal yang signifikan ke arah jalinan hubungan yang lebih erat pada masa hadapan. Ia secara tidak langsung menonjolkan keperluan sinergi antara

pihak media dan institusi permuziuman dalam menyerlahkan peranan penting yang dimainkan oleh jabatan terhadap pembangunan negara, sekali gus memastikan mesej perpaduan dapat disampaikan kepada masyarakat dengan lebih berkesan.

Untuk rekod, UtusanTV kini memegang status sebagai media arus perdana nombor satu di aplikasi TikTok dengan jumlah pengikut mencecah 5.9 juta orang. Kedudukan portal ini turut diperkukuhkan melalui platform Facebook dengan 148,000 pengikut, Instagram dengan 140,000 pengikut, serta saluran Telegram yang disertai oleh 62,305 ahli.

Dengan kekuatan data pengikut yang besar, UtusanTV menjadi antara platform pilihan pelbagai pihak untuk menyebarkan maklumat yang sahih dan tepat. Turut hadir dalam delegasi tersebut adalah barisan pengurusan kanan UtusanTV termasuk Penolong Pengarang Berita, Afiq Mohd Shah; Pengarang Majalah, Rosmarlinda Kamarudin; Pengarang Multimedia, Auzaee Athallah; Ketua Unit Foto, Abd Razak Aid; dan Eksekutif Pentadbiran, Nurfarahin Mohamad.



LAWATAN DYTM RAJA MUDA KEDAH TENGGU SARAFUDIN BADLISHAH IBNI AL-AMINUL KARIM SULTAN SALLEHUDDIN KE MUZIUM ARKEOLOGI LEMBAH BUJANG

Oleh: Zairul Hida binti Hamdan, Muzium Arkeologi Lembah Bujang

LEMBAH BUJANG – Pada 5 Januari 2026, Raja Muda Kedah Darul Aman, Duli Yang Teramat Mulia Tengku Sarafudin Badlishah ibni Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin bersama anakanda Yang Teramat Mulia Tunku Sulaiman Badlishah, telah berkenan berangkat mengadakan lawatan ke Muzium Arkeologi Lembah Bujang Sungai Petani Kedah Darul Aman. Keberangkatan baginda telah disambut oleh Pengarah Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Encik Azhar Mohamed Noor; Pegawai Daerah Kuala Muda, Encik Azmin Zainol Abidin; Pengarah Muzium Negeri Kedah, Encik Suhaidi Shukri; Pengerusi Persatuan Sejarah Negeri Kedah, Dr. Ibrahim Bakar serta Pengarah PPAG USM, Profesor Madya Dr. Nasha Rodziadi Khaw.

Turut serta dalam lawatan ini ialah Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sungai Petani, YM Tunku Iskandar Shah bin Tunku Muszaffar Shah; Ketua Polis Daerah Kuala Muda, YDH ACP Hanyan bin Ramlan; pegawai-pegawai kanan jabatan, pegawai-pegawai negeri, penghulu-penghulu mukim serta warga kerja Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Muda. Lawatan tersebut bertujuan meninjau warisan khazanah sejarah di Lembah Bujang yang merupakan antara tapak tinggalan tamadun tertua di Asia Tenggara.

Sepanjang lawatan, DYTM Raja Muda Kedah dan YTM anakanda telah dibawa melawat ke Galeri Arkeologi Lembah Bujang, Galeri Sejarah Perdagangan Lembah Bujang serta beberapa tapak percandian di sekitar kawasan muzium. Baginda turut berkenan menerima taklimat berkaitan



DYTM Raja Muda Kedah Darul berkenan menandatangani buku di Galeri Sejarah Akeologi.



penemuan arkeologi di Lembah Bujang, termasuk tinggalan candi, artifak perdagangan dan bukti kewujudan tamadun awal yang pernah menjadikan kawasan tersebut sebagai pusat perdagangan penting di Asia Tenggara.

LAWATAN DELEGASI KEMENTERIAN INFRASTRUKTUR, REPUBLIK SUDAN KE MUZIUM NEGARA MEMBINA JAMBATAN KERJASAMA

Oleh: Nor Hanisah binti Ahmad, Muzium Negara

KUALA LUMPUR - Pada 6 Februari 2026, Muzium Negara telah menerima kunjungan hormat daripada Pengurusan Tertinggi dan Pegawai-Pegawai Kanan, Kementerian Infrastruktur, Republik Sudan. Delegasi yang terdiri daripada 16 orang pegawai kanan yang kebanyakannya adalah jurutera awam, hadir sebagai sebahagian daripada program latihan dan pendedahan yang menfokuskan kepada pengurusan bandar mampan, pentadbiran institusi serta pengurusan warisan sejarah budaya.

Sempena lawatan tersebut, satu sesi taklimat khas telah diadakan bagi memperkenalkan peranan dan fungsi Muzium Negara serta Jabatan Muzium Malaysia dalam aspek pengurusan sejarah dan budaya negara. Taklimat ini turut menyentuh tentang teras perkhidmatan jabatan merangkumi bidang penyelidikan, pengurusan koleksi, konservasi, pameran dan pendidikan muzium.

Delegasi turut menunjukkan minat mendalam terhadap pendekatan Malaysia dalam menguruskan pemuliharaan warisan, termasuk bidang kuasa antara kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. Selain itu, mereka juga mendapatkan maklumat berkenaan prosedur dan saluran bagi mengemukakan cadangan kerjasama seperti penganjuran pameran dan latihan dalam bidang permuziuman pada masa hadapan.

Dalam sesi pertemuan tersebut, delegasi turut berkongsi pengalaman pengurusan warisan sejarah dan budaya di negara mereka yang memperlihatkan beberapa perbezaan pendekatan berbanding Malaysia. Pertukaran maklumat ini memberi manfaat kepada kedua-dua pihak dalam memahami amalan pengurusan warisan di peringkat antarabangsa selain



menjadi rujukan kepada delegasi dalam usaha menambah baik sistem pengurusan di negara mereka.

Sebagai sebahagian daripada pengisian lawatan, delegasi turut mengikuti lawatan berpandu di galeri Muzium Negara bagi melihat dengan lebih dekat kekayaan warisan sejarah dan budaya Malaysia. Lawatan ini turut menonjolkan pendekatan semasa dalam penyampaian pameran yang selari dengan perkembangan pendigitalan serta teknik peragaan yang lebih interaktif.

Secara keseluruhan, lawatan ini menjadi platform penting dalam memperkukuh hubungan antarabangsa dan membuka ruang kerjasama institusi, khususnya dalam bidang pemuliharaan warisan budaya serta perkongsian pengalaman berkaitan pembangunan bandar mampan.

PROGRAM JANGKAUAN LUAR MUZIUM ALAM SEMULA JADI KOLABORASI BERSAMA AQUARIA KLCC

Oleh: Encik Muhamad Syafiq bin Ahmad Zahari, Muzium Alam Semula Jadi



KUALA LUMPUR - Muzium Alam Semula Jadi telah berjaya melaksanakan siri program jangkauan luar (*outreach*) dengan kerjasama strategik Aquaria KLCC pada 5 dan 12 Mac 2026. Program ini merupakan manifestasi kepada inisiatif kolaborasi strategik yang dirancang bagi memperkukuh sinergi antara institusi permuziuman negara dengan pemain industri pelancongan swasta. Melalui usaha sama ini, kedua-dua pihak komited dalam mentransformasikan kaedah pendidikan dan pembelajaran mengenai alam semula jadi kepada bentuk yang lebih interaktif dan inklusif khususnya bagi masyarakat bandar.

Bertempat di Dewan Serbaguna Aquaria KLCC, program ini dianjurkan khusus untuk menyokong pameran bertemakan '*The Legacy of Life*'. Pemilihan lokasi ini amat bertepatan memandangkan Aquaria KLCC merupakan hab pelancongan pendidikan terkemuka yang mampu menarik kehadiran khalayak yang ramai serta pelbagai lapisan masyarakat.

Sepanjang dua hari pelaksanaan program, seramai 2,522 orang pelawat telah hadir membanjiri ruang pameran. Angka

kehadiran yang memberangsangkan ini membuktikan minat yang tinggi dalam kalangan masyarakat terhadap khazanah biodiversiti negara. Para pengunjung berpeluang melihat dengan lebih dekat koleksi spesimen awetan yang dipamerkan oleh Muzium Alam Semula Jadi.

Keunikan pameran kali ini terletak pada integrasi koleksi zoologi yang merangkumi kelas Mamalia, Burung, Herpetofauna (Amfibia dan Reptilia) dan Ikan. Setiap spesimen yang dipamerkan telah dipilih berdasarkan kesesuaian tema '*Legacy of Life*' dan diselaraskan dengan identiti Aquaria KLCC sebagai pusat hidupan akuatik. Pendekatan kuratorial ini bukan sahaja bertujuan untuk tujuan estetik, malah berfungsi sebagai jambatan ilmu bagi menjelaskan hubungan kait antara hidupan darat dan air dalam satu ekosistem yang mampan. Keberhasilan program ini menjadi penanda aras baharu dalam usaha melestarikan warisan semula jadi melalui platform kerjasama merentas sektor.

MAJLIS MEMPERINGATI YTM ALMARHUM TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ

Oleh : Kapt. Wan Amirul Arif bin Wan Othman (B), Unit Keselamatan JMM

KUALA LUMPUR - Pada 8 Februari 2026, negara sekali lagi mengenang jasa Bapa Kemerdekaan melalui Majlis Memperingati Yang Teramat Mulia Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang berlangsung di Jabatan Muzium Malaysia. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara, yang mewakili komitmen kerajaan dalam memelihara sejarah dan perpaduan nasional.

Di sebalik kelancaran majlis ini, Unit Keselamatan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) yang dilantik sebagai penyelaras keselamatan dan kecemasan memainkan peranan yang amat kritikal dalam memastikan setiap aspek keselamatan fizikal, teknikal serta pematuhan protokol dilaksanakan dengan teratur dan berkesan. Skop tugas meliputi kawalan trafik di sekitar muzium, pengurusan keselamatan tetamu kehormat (VIP), serta pemantauan rapi terhadap koleksi artifak bagi pameran "*Tunku Negarawan Ulung: Pengasas Negara Bangsa*" yang berlangsung sehingga 29 Mac 2026. Kejayaan pelaksanaan kawalan keselamatan ini turut didorong oleh kerjasama strategik antara Unit Keselamatan JMM dengan pelbagai agensi keselamatan dan penyelamat negara, termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), dan Pejabat Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.



DELEGASI KEDUTAAN AMERIKA SYARIKAT TEROKA NARATIF SEJARAH DAN KEBUDAYAAN DI MUZIUM NEGARA

Oleh: Siti Sarah binti Samian, Muzium Negara

KUALA LUMPUR – Pada 8 Januari 2026, Muzium Negara telah menerima kunjungan hormat daripada delegasi Kedutaan Amerika Syarikat yang diketuai oleh Encik Dominic Randazzo, Konsul Jeneral dari Bahagian Konsular Kedutaan Amerika Syarikat, bersama 17 orang kakitangan kedutaan yang lain. Tujuan utama lawatan iaitu memberikan pendedahan yang menyeluruh mengenai sejarah, koleksi serta kepelbagaian warisan budaya Malaysia kepada para kakitangan kedutaan. Inisiatif ini dilihat sebagai langkah penting dalam memperkukuh persefahaman diplomatik melalui platform kebudayaan. Bagi kakitangan yang baru berkhidmat dari Amerika Syarikat, lawatan ini turut menjadi platform penting untuk memahami naratif kebangsaan dengan menelusuri sejarah awal tanah air menerusi empat galeri utama di Muzium Negara, disamping meningkatkan apresiasi budaya melalui pengenalan lebih dekat terhadap adat resam serta struktur sosial masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Secara tidak langsung, lawatan ini juga membuka ruang ke arah



pengukuhan hubungan antara komuniti diplomatik asing dengan institusi sejarah tempatan. Sepanjang lawatan tersebut, Encik Dominic Randazzo dan delegasi telah dibawa meninjau koleksi artifak bersejarah serta diberikan taklimat terperinci oleh kurator muzium. Lawatan ini bukan sekadar aktiviti santai, malah merupakan sebahagian daripada inisiatif kedutaan bagi memastikan kakitangannya memiliki pengetahuan yang jitu tentang konteks sejarah negara penempatan mereka. Selain itu, mereka turut didedahkan kepada pendekatan pameran baharu lebih interaktif, selaras



dengan perkembangan semasa yang menekankan elemen digitalisasi dan pemodenan. Pihak Muzium Negara amat mengalu-alukan kunjungan seperti ini yang secara tidak langsung mempromosikan Malaysia sebagai sebuah negara yang kaya dengan nilai sejarah di persada antarabangsa. Lawatan ini juga secara langsung memperkukuhkan hubungan baik antara institusi permuziuman dengan komuniti diplomatik asing yang meraikan kepelbagaian dan keunikan sejarah tempatan.

PAMERAN FOTO MONUMEN BERBICARA, BUDAYA TERPELIHARA DI SEKOLAH KEBANGSAAN MATANG

Oleh : Ainin Sofiya binti Jamalludin, Muzium Matang

MATANG - Pameran Foto Monumen Berbicara, Budaya Terpelihara telah berjaya dilaksanakan di Sekolah Kebangsaan Matang, Perak pada 14 April 2026. Penganjuran ini mendapat kerjasama dan sokongan yang sangat baik daripada pihak sekolah khususnya dalam aspek penyediaan tempat dan peralatan Sistem Siaraya (*Public Address System*). Tujuan pameran ini diadakan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan murid mengenai kepentingan memelihara monumen-monumen bersejarah di Negeri Perak sebagai warisan yang perlu dikekalkan untuk generasi akan datang. Melalui pameran ini, pelajar berpeluang melihat foto-foto monumen lama yang kebanyakannya masih digunakan sehingga hari ini. Foto-foto monumen yang dipamerkan diambil dari buku *Perak Postcards 1890s–1940s*. Antara foto-foto yang dipamerkan adalah seperti bangunan Muzium Telegraf Taiping, Istana Kenangan Kuala Kangsar, Stesen Kereta Api Lama Batu Gajah dan Menara Condong Teluk Intan. Turut

dipamerkan bangunan Perpustakaan Awam Taiping yang dibina pada tahun 1882 yang dahulunya pernah digunakan sebagai Chartered Bank. Melalui aktiviti ini juga, pelajar-pelajar berpeluang menyertai permainan STEM dengan membuat *D.I.Y Kit STEM Yellow Rickshaw* dan *Solar Powered Helicopter*. Seramai 100 orang murid telah menyertai dan aktiviti ini mampu merangsang kreativiti serta memperkembangkan daya pemikiran mereka dalam menyelesaikan cabaran yang diberikan. Secara keseluruhan, program ini telah berjaya mencapai matlamatnya dengan memperkukuhkan hubungan antara pihak muzium dan sekolah, di samping memberi pengetahuan yang berguna kepada pelajar. Inisiatif ini juga telah berjaya meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan memelihara warisan sejarah, serta memperkenalkan Muzium Matang sebagai medium pendidikan tidak formal yang berperanan dalam memupuk kesedaran tentang pemeliharaan warisan sejarah di Malaysia, khususnya di Negeri Perak.






**KUNJUNGAN
HORMAT TIMBALAN
KETUA PENGARAH
KERJA RAYA,
SEKTOR PAKAR KE
JABATAN MUZIUM
MALAYSIA
- 14 JANUARI 2026**



**LAWATAN KERJA
YB TIMBALAN
MENTERI KE
JABATAN MUZIUM
MALAYSIA
- 28 JANUARI 2026**



**KUNJUNGAN HORMAT
OLEH YBRS. ENCIK
NORHALIS BIN
MOHAMED NOOR,
PENGARAH LEMBAGA
MUZIUM NEGERI
KELANTAN KEPADA
DATUK KETUA
PENGARAH
- 27 JANUARI 2026**



**LAWATAN RASMI
DELEGASI DARI
TAWAZUNJ
COUNCILFOR
DEFENCEENABLEMENT,
UNITED ARAB
EMIRATES
- 22 APRIL 2026**



**LAWATAN RASMI
DARIPADA
DELEGASI PEGAWAI-
PEGAWAI KANAN
KEMENTERIAN
INFRASTRUKTUR,
REPUBLIK SUDAN KE
MUZIUM NEGARA
- 6 FEBUARI 2026**



**KUNJUNGAN HORMAT
AHLI JAWATAN
KUASA PENUBUHAN
MUZIUM JABATAN
IMIGRESEN MALAYSIA
DAN DELEGASI KE
JMM
-11 FEBUARI 2026**



PROGRAM BICARA@MUZIUM SULAMAN PERANAKAN: BUNGA, WARNA & SIMBOLIK BUDAYA

Oleh: Muhammad Fawwas bin Mazlan, Pelajar Latihan Industri Muzium Tekstil Negara

KUALA LUMPUR - Muzium Tekstil Negara terus komited dalam memperkukuh peranannya sebagai institusi pendidikan serta pemelihara warisan tekstil melalui penganjuran program Bicara@Muzium bertajuk "Sulaman Peranakan: Bunga, Warna & Simbolik Budaya. Program ini telah berlangsung secara dalam talian menerusi platform Zoom dan siaran langsung Facebook Live pada 11 Mac 2026 (Rabu), dari jam 10 pagi hingga 12 tengah hari.

Program tersebut menampilkan dua tokoh berwibawa dalam bidang warisan Peranakan, iaitu Baba Cedric Tan dan Dr. Kenny Loh. Perkongsian Baba Cedric Tan memfokuskan kepada latar sejarah komuniti Baba Nyonya yang terbentuk hasil interaksi perdagangan dan pertembungan budaya antara masyarakat Cina dan masyarakat tempatan di Alam Melayu. Beliau menghuraikan proses akulturasi yang melibatkan aspek bahasa, adat resam, kepercayaan serta evolusi busana tradisional yang menjadi lambang identiti komuniti Peranakan. Perbincangan turut menekankan perkembangan estetika pemakaian Baju Panjang dan Baju Kebaya sebagai manifestasi identiti budaya yang unik. Busana ini bukan sahaja mencerminkan pengaruh silang budaya Melayu, Cina dan Barat malah memperlihatkan tahap adaptasi serta kreativiti masyarakat Peranakan dalam membentuk jati diri tersendiri. Sesi diteruskan oleh Dr. Kenny Loh yang memberi penekanan kepada aspek teknikal dan simbolik sulaman Kebaya Nyonya. Beliau menghuraikan kepentingan motif flora seperti peony, teratai dan krisan yang masing-masing membawa makna kemakmuran, kesucian dan ketahanan. Penggunaan warna terang seperti merah, kuning, hijau dan biru turut dijelaskan sebagai elemen yang bukan sekadar bersifat estetika, malah sarat dengan falsafah serta nilai budaya.

Asal usul - beberapa hipotesis

- Keturunan dari pedagang zaman Kesultanan Melaka mulai abad ke 14
- Keturunan dari dayang-dayang Puteri Hang Hang Li Po zaman Ming
- Keturunan dari pendatang Tanah Besar China abad ke 18 dan 19 ke Nanyang

Estetika berpakaian Baju Panjang

- Panjang lepas lutut
- Lengan sampai pergelangan tangan
- Dipakai longgar bukan ketat
- Pakai anak baju di dalam
- Dipadankan dengan kain batek/tenun/songket kepala ke hadapan lipatan tindih kasih
- Bersapu tangan
- Disemat 3 biji kepingan perhiasan



Selain itu, beliau menerangkan bahawa penghasilan Kebaya Nyonya memerlukan kemahiran artisan yang tinggi melalui teknik sulaman tangan, tebuk (*cutwork*) dan kemas tepi berombak yang memerlukan ketelitian luar biasa. Tempoh penghasilan yang panjang menjadikan setiap kebaya sebagai karya seni tekstil yang eksklusif serta simbol warisan tidak ketara yang perlu dipelihara secara berterusan.

Program ini menerima sambutan yang menggalakkan daripada pelbagai lapisan masyarakat. Sesi interaktif yang berlangsung membuktikan peningkatan kesedaran dan minat terhadap pemeliharaan warisan tekstil tradisional. Penganjuran Bicara@Muzium ini sekali gus memperkukuh usaha Muzium Tekstil Negara dalam mendokumentasi, mendidik dan memartabatkan warisan tekstil negara agar terus lestari untuk generasi akan datang.

Lawatan SAMBIL BELAJAR PELAJAR INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS RAJA MELEWAR KE MUZIUM ADAT

Oleh: Rosiswandy bin Mohd Salleh, Muzium Adat

JELEBU, NEGERI SEMBILAN – Pada 15 April 2026, Muzium Adat telah menerima kunjungan rasmi daripada 27 orang pelajar dan 2 orang pensyarah dari Jabatan Pengajian Melayu, Institut Pendidikan Guru Raja Melewar, Seremban. Lawatan rasmi ini bertujuan untuk memberikan pendedahan praktikal kepada para pelajar mengenai khazanah kebudayaan dan sistem adat resam masyarakat Melayu yang dipamerkan di Muzium Adat.

Lawatan tersebut disambut dan dipandu oleh Encik Rosiswandy bin Mohd Salleh, Penolong Kurator Muzium Adat yang mewakili Pengarah Muzium Adat. Mereka dibawa mengunjungi Galeri Pengenalan Adat, Galeri Kitaran Hidup, Galeri Tradisi Intelektual/Kerajaan dan Kuasa, dan Galeri Adat Perpatih. Di akhir program, semua pelajar diberi peluang untuk menjalankan aktiviti pembelajaran amali yang mengintegrasikan bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik (STEM). Lawatan telah berlangsung hampir dua jam dan diakhiri dengan sesi bergambar kenang-kenangan di hadapan Muzium Adat.



Para peserta sedang mendengar penerangan yang disampaikan oleh Encik Rosiswandy di Galeri Pengenalan Adat.



Antara para peserta yang mengambil peluang menjalankan aktiviti pembelajaran amali yang mengintegrasikan bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik (STEM).

BENGKEL PENGURUSAN ASET ALIH 2026

Oleh : Siti Hawa binti Ariffadzillah, Unit Pembangunan dan Pengurusan Harta

BUKIT TINGGI - Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah menganjurkan Bengkel Pengurusan Aset Alih 2026 selama tiga hari bermula 1 April lalu di Colmar Tropicale Resort, Pahang bagi memperkukuh pengurusan aset dalam kalangan pegawai terlibat.

Seramai 29 orang Pembantu Aset dan Pemeriksa Aset JMM telah menyertai bengkel tersebut yang memberi fokus kepada pemahaman menyeluruh mengenai Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan (TPA) seperti yang telah digariskan dalam Pekeliling Perbendaharaan.

Pengurusan aset yang sistematik penting bagi memastikan infrastruktur, peralatan, dan sumber organisasi diurus dengan cekap bermula daripada peringkat perolehan sehingga pelupusan, sekaligus mengelakkan risiko ketidakakuran dalam pendaftaran atau pelaporan aset. Justeru, bengkel ini telah mengundang Encik Muhammad Zahri bin Mohd daripada Kementerian Kewangan (MOF) selaku penceramah bersama dua fasilitator daripada JMM untuk membimbing peserta sepanjang sesi bengkel berlangsung.

Sepanjang program peserta telah didedahkan dengan kitaran hayat lengkap aset meliputi penerimaan, pendaftaran, penggunaan, penyimpanan, pemeriksaan, penyelenggaraan, pelupusan, dan kehilangan aset. Mereka juga diberi penerangan mengenai peranan pegawai terlibat seperti Pegawai Pengawal, Ketua Jabatan, Pegawai yang diberi Kuasa Melulus, Pegawai Aset, Pembantu Pegawai Aset, Pegawai Penerima dan Pegawai Pemeriksa Aset.

Keunikan bengkel ini terserlah melalui penggabungan kuliah asas oleh penceramah MOF dengan sesi amali Sistem Pemantauan dan Pengurusan Aset (SPPA), termasuk latihan pemurnian penempatan kod lokasi KEW.PA 7, yang

dilaksanakan secara bersepadu dan praktikal, di samping menyediakan ruang kepada peserta, khususnya dalam kalangan Pembantu Aset, untuk berkongsi pengalaman serta membincangkan isu-isu pengurusan aset di bahagian masing-masing. Secara keseluruhannya, bengkel ini berjaya meningkatkan pengetahuan dan pemahaman peserta sekali gus memperkukuh kecekapan pengurusan aset dalam organisasi.



PROGRAM JANGKAUAN LUAR MUZIUM ADAT DI IMAS INTERNATIONAL SCHOOL, KAJANG SELANGOR

Oleh : Sahruladli bin Mohd Yunan, Muzium Adat

KAJANG - Pada 7 April 2026, Muzium Adat telah melaksanakan program jangkauan luar Muzium@Komuniti bertajuk “Kenali Adat-Adat di Malaysia” bertempat di IMAS International School Kajang, UNITEN Selangor. Program ini diadakan atas jemputan pihak sekolah sebagai usaha memperkenalkan keunikan adat dan warisan budaya Malaysia kepada pelajar dalam suasana pembelajaran yang santai dan interaktif.

Program ini melibatkan seramai 710 orang pelajar dan 65 orang guru, dengan tujuan meningkatkan kesedaran serta kefahaman mengenai kepelbagaian adat masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Antara aktiviti yang dijalankan termasuk pameran mini, kuiz Interaktif, permainan tradisional serta aktiviti kit STEM sumbangan Yayasan Mr. DIY.

Sepanjang program, para pelajar terlibat secara aktif dan memberikan maklum balas yang sangat positif. Pendekatan pembelajaran interaktif ini berjaya meningkatkan minat pelajar untuk mengenali warisan budaya dengan lebih mendalam.

Secara keseluruhannya, program ini berjaya mencapai objektifnya dan memberi impak positif kepada peserta, sekali gus memperkukuh peranan muzium sebagai pusat pembelajaran tidak formal. Muzium Adat turut merakamkan penghargaan kepada pihak sekolah atas kerjasama yang diberikan, serta berharap jalinan kerjasama ini akan diteruskan pada masa hadapan.



PROGRAM MUZIUM@KOMUNITI

BERSAMA PESTA SONGKRAN PERINGKAT KEBANGSAAN 2026

Oleh: Zuhair bin Zulkifli, Bahagian Pameran dan Pengembangan

PERLIS - Program Muzium@Komuniti dan Perayaan Etnik Siam Malaysia Songkran 2026 Peringkat Kebangsaan telah berjaya dianjurkan oleh Jabatan Muzium Malaysia (JMM) bersama dengan Kementerian Perpaduan Negara (KPN) pada 11 hingga 13 April 2026 di Wat Macchimaprasit, Jejawi, Arau, Perlis. Penganjuran ini adalah dengan kerjasama Persatuan Siam Malaysia sebagai platform rasmi meraikan Tahun Baharu masyarakat Siam di Malaysia sekaligus memperkukuh semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Songkran merupakan perayaan utama dalam kalendar masyarakat Bumiputera Siam di Malaysia yang menandakan ketibaan tahun baharu pada setiap 13 April. Perayaan ini sarat dengan nilai budaya tinggi serta mencerminkan sejarah panjang serta keunikan komuniti Siam yang telah berakar umbi di Malaysia, khususnya di negeri Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan.

Majlis perasmian pada 13 April 2026 telah disempurnakan oleh Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Aaron Ago Dagang. Turut hadir ialah Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, Datuk Haslina Abdul Hamid; Ketua Setiausaha Kementerian



Komunikasi Datuk Abdul Halim Hamzah; Presiden Persatuan Siam Malaysia Sam Maark Suvanphet; serta para jemputan daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta.

Sepanjang tiga hari pelaksanaan program, pelbagai aktiviti menarik telah diaturkan untuk memenuhi minat pengunjung dari pelbagai peringkat umur dan latar belakang. Aktiviti-aktiviti tersebut merangkumi unsur kebudayaan, pendidikan, kesenian serta interaksi sosial yang dirancang secara menyeluruh untuk memaksimumkan impak terhadap pengunjung.

Melalui Program Muzium@Komuniti, JMM berperanan mewujudkan jalinan kerjasama dengan komuniti tempatan dalam usaha mendokumentasikan sejarah lisan, objek warisan budaya, serta amalan tradisi tempatan sebagai sebahagian daripada naratif muzium. Program ini juga bertujuan meningkatkan kesedaran komuniti luar bandar mengenai peranan mereka sebagai pemelihara dan pewaris warisan budaya dan khazanah ilmu tempatan. Sehubungan dengan itu, pendekatan pembelajaran tidak formal diterapkan melalui pameran dan aktiviti berasaskan warisan serta sejarah tempatan, sekali gus merapatkan jurang akses antara komuniti luar bandar dan institusi muzium.

Antara penganjuran utama program ini termasuk pameran muzium dan kerjaya yang memberi pendedahan kepada pengunjung tentang fungsi muzium sebagai penjaga warisan budaya negara serta peluang kerjaya dalam bidang permuziuman. Selain itu, pelbagai aktiviti sampingan turut dianjurkan seperti program cuci emas dari bahagian konservasi, kempen derma koleksi oleh bahagian pengurusan koleksi serta pendokumentasian berkenaan etnik siam di Perlis. Bagi meningkatkan penglibatan pengunjung, aktiviti interaktif turut disediakan seperti puzzle 2D, mewarna motif seramik, DIY wayang kulit, permainan *spin-the-wheel*, kuiz *Kahoot!* dan DIY STEM kit.

Selain itu, JMM turut usaha pendokumentasian warisan budaya etnik Siam di Perlis sepanjang pesta ini berlangsung. Usaha pendokumentasian ini sejajar dengan fungsi teras JMM dalam mengumpul, membangun dan mewujudkan pangkalan data berkaitan koleksi budaya, sejarah dan warisan negara dalam bentuk visual seperti gambar dan video, di samping merekodkan elemen warisan kebudayaan secara sistematik.

Penglibatan JMM melalui pameran, pendokumentasian dan pelbagai aktiviti sisipan interaktif telah memperkayakan lagi pengalaman pengunjung serta memastikan mesej pemeliharaan warisan budaya disampaikan dengan cara yang berkesan. Pendekatan ini perlu diteruskan dan diperkukuh pada masa hadapan bagi memastikan warisan masyarakat Siam terus terpelihara dan dihargai oleh seluruh rakyat Malaysia.

PROGRAM RITMA MUZIK MALAYSIA: LAGU HARI RAYA AIDILFITRI

Oleh: Kartina binti Abdul Khalid, Muzium Muzik



KUALA - Program Ritma Muzik Malaysia yang diadakan pada 23 Mac hingga 14 April 2026 adalah bertemakan "Lagu Hari Raya Aidilfitri" yang dianjurkan sebagai pengisian program sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri bagi tahun 2026. Program ini bertujuan mengetengahkan keunikan lagu-lagu Hari Raya Aidilfitri yang membangkitkan nostalgia silam, di samping tidak mengetepikan lagu-lagu baharu yang popular dan menjadi pilihan generasi muda masa kini. Lagu-lagu perayaan bukan sahaja mencerminkan kegembiraan dan tradisi sesuatu kaum, malah berperanan mengeratkan hubungan serta memupuk semangat keharmonian dalam kalangan rakyat Malaysia.

Program berbentuk nyanyian solo dan berkumpulan ini telah dilaksanakan sepanjang bulan syawal dan terbuka kepada kakitangan Jabatan Muzium Malaysia serta pengunjung Galeri Muzik dari pelbagai peringkat umur. Bagi menyertai program ini, peserta dikehendaki mengisi borang pendaftaran yang disediakan untuk merekodkan butiran diri serta pilihan lagu yang akan dipersembahkan. Langkah ini diambil bagi memastikan kelancaran pelaksanaan program di samping memudahkan penyelarasan oleh kakitangan yang bertugas.

Antara lagu aidilfitri yang menjadi pilihan peserta termasuklah karya nostalgia lama seperti *Aidilfitri* nyanyian Sanisah Huri, *Selamat Hari Raya* (Ahmad Jais), *Dendang Perantau* (P.Ramlee) serta *Menjelang Hari Raya* (Dato'DJ Dave). Selain itu lagu-lagu popular terkini turut mendapat sambutan, antaranya *Jodoh Lebaran* (Aisha Retno), *Mama Papa Raya* (Datin Nur Shahida & anak-anak) serta *Bincang Raya* (Amira Othman & Irfan Haris). Penyertaan yang diterima amat menggalakkan, melibatkan peserta daripada pelbagai peringkat umur dan latar belakang. Secara keseluruhan, program ini berjaya menghimpunkan seramai 105 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan Jabatan Muzium Malaysia serta pengunjung galeri.

Program Ritma Muzik Malaysia: Lagu Hari Raya Aidilfitri berjaya mengimbau kembali nostalgia silam di samping menyediakan ruang dan peluang kepada pengunjung yang berminat dalam bidang nyanyian untuk turut serta. Sambutan yang amat menggalakkan membuktikan bahawa lagu-lagu perayaan masih kekal relevan, sekali gus menunjukkan penganjuran program seumpama ini wajar diteruskan pada masa hadapan sebagai usaha berterusan dalam memelihara kelestarian lagu-lagu hari raya aidilfitri.

KEJOHANAN MERENTAS DESA SEKOLAH KEBANGSAAN MATANG

Oleh : Nur Nasihah Mohamed Ariffin, Muzium Matang

MATANG - Pada 23 Januari 2026, Muzium Matang telah menjadi laluan bagi kejohanan merentas desa Sekolah Kebangsaan Matang. Pelajar yang terlibat dalam kejohanan ini ialah seramai 156 orang yang terdiri daripada pelajar Tahap 2 aliran perdana serta Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Kejohanan merentas desa bermula pada jam 7.30 pagi.



LAWATAN RASMI DUTA BESAR PERANCIS KE MUZIUM PERAK, TAIPING

Oleh: Selvaraju A/L M. Pitchaimuthu, Muzium Perak

PERAK - Muzium Perak telah menerima kunjungan rasmi Duta Besar Perancis ke Malaysia iaitu Tuan Yang Terutama Marc Abensour, pada 15 April 2026 (Rabu). Beliau yang diiringi Timbalan Duta Besar telah disantuni oleh Pengarah serta warga Muzium Perak.

Lawatan dimulakan dengan sesi taklimat oleh Pengarah Muzium Perak yang menerangkan latar belakang penubuhan Muzium Perak serta peranannya sebagai perintis kepada perkembangan institusi permuziuman di Malaysia sejak era kolonial British. Muzium berfungsi sebagai pusat pengumpulan, dokumentasi dan penyelidikan berkaitan adat resam serta budaya masyarakat tempatan. Sepanjang lawatan ke galeri pameran, Tuan Yang Terutama Duta Besar menunjukkan minat mendalam terhadap koleksi artifak khususnya koleksi yang mencerminkan sejarah dan kepelbagaian budaya masyarakat tempatan.

Beliau turut dibawa melawat Perpustakaan Penyelidikan Muzium Perak dan berkesempatan meneliti koleksi buku nادر berbahasa Perancis yang disimpan di situ. Dalam lawatan tersebut, beliau merakamkan penghargaan terhadap usaha pemeliharaan koleksi warisan bernilai tinggi yang bertaraf antarabangsa oleh pihak muzium. Sebagai tanda kenangan, Tuan Yang Terutama telah menandatangani Buku Lawatan VVIP sebelum menerima cenderamata daripada pihak muzium. Lawatan ini turut disusuli dengan jamuan makan tengah hari di New Club Taiping dan diakhiri dengan kunjungan ke Menara Jam Taiping, salah satu mercu tanda bersejarah bandar Taiping.

Lawatan rasmi ini dilihat sebagai langkah memperkukuh hubungan dua hala antara Malaysia dan Perancis, khususnya dalam bidang warisan, kebudayaan dan permuziuman.



PROGRAM AKTIVITI KIT STEM DI SJK(C) KHEA WAH, PEKAN MATANG, PERAK

Oleh: Barhaman Zaktom bin Ahmad, Muzium Matang

MATANG - SJK(C) Khea Wah telah menjadi lokasi penganjuran program aktiviti STEM anjuran Muzium Matang dengan kerjasama Yayasan MR DIY yang berlangsung dengan jayanya pada 29 April 2026. Program ini mendapat sambutan menggalakkan dengan penyertaan seramai 60 orang murid bersama guru-guru yang turut memberikan sokongan penuh sepanjang pelaksanaan aktiviti.

Pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan bagi memperkenalkan konsep Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) secara interaktif dan menyeronokkan. Antara aktiviti utama iaitu Kraf DIY STEM Sail Car, di mana murid berpeluang membina model kenderaan layar sendiri sambil mempelajari prinsip asas pergerakan dan tenaga. Selain itu, aktiviti *Day and Night Demonstration* turut diadakan bagi membantu

murid memahami fenomena siang dan malam melalui pendekatan praktikal yang mudah difahami.

Program ini juga diserikan dengan Pameran Foto bertemakan "Monumen Berbicara, Budaya Terpelihara" yang memaparkan koleksi gambar bangunan bersejarah di negeri Perak. Pameran ini bertujuan memupuk kesedaran dalam kalangan murid tentang kepentingan memelihara warisan sejarah dan budaya negara.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya mencapai objektif yang ditetapkan dengan memberi pendedahan awal kepada murid tentang kepentingan STEM dalam kehidupan seharian. Di samping itu, ia turut memperkukuhkan hubungan kerjasama antara pihak muzium dan sekolah serta memberikan pengalaman pembelajaran yang bermakna dan bermanfaat kepada para pelajar.



LAWATAN ILMIAH PELAJAR KOLEJ KOMUNITI JELEBU KE MUZIUM ADAT

Oleh: RosiSwandy bin Mohd Salleh, Muzium Adat

JELEBU, NEGERI SEMBILAN – Pada 29 April 2026, Muzium Adat telah menerima kunjungan rasmi daripada 24 orang pelajar dan dua orang pensyarah dari Kolej Komuniti Jelebu. Lawatan ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengenai warisan adat, budaya dan sejarah tempatan.

Lawatan tersebut disambut dan dipandu oleh Encik RosiSwandy bin Mohd Salleh, Penolong Kurator Muzium Adat yang mewakili Pengarah Muzium Adat dan Cik Nurfarah Nabihah binti Mohd Rosadi, pelajar praktikal. Mereka dibawa mengunjungi Galeri Pengenalan Adat, Galeri Kitaran Hidup, Galeri Tradisi Intelektual/Kerajaan dan Kuasa, dan Galeri Adat Perpatih. Lawatan telah berlangsung hampir sejam dan diakhiri dengan sesi bergambar kenang-kenangan di hadapan Muzium Adat.



PAMERAN KENALI MUZIUM MATANG DI SEKOLAH KEBANGSAAN MATANG GELUGOR

Oleh: Nur Nasihah binti Mohamed Ariffin, Muzium Matang



MATANG – Muzium Matang telah mengadakan Pameran Kenali Muzium Matang: Menggenggam Warisan Kegemilangan Larut di Sekolah Kebangsaan Matang Gelugor, Matang, Perak pada 8 April 2026. Program ini telah disertai oleh 100 orang murid Tahun 4,5 dan 6 serta 10 orang guru.

Program ini bertujuan untuk memupuk semangat cintakan tanah air dalam kalangan pelajar, selain membuka ruang kepada mereka untuk mengenali lebih dekat tokoh-tokoh sejarah negeri Perak. Dua tokoh yang diketengahkan dalam pameran ini iaitu Che Long Jaafar dan Tengku Menteri Ngah Ibrahim. Long Jaafar dan anaknya, Ngah Ibrahim merupakan dua tokoh yang signifikan dalam sejarah negeri Perak terutamanya dalam perlombongan bijih timah serta pembangunan dan pemodenan Larut. Pameran ini turut menceritakan tentang perubahan fungsi Kota Ngah Ibrahim dari rumah kediaman sehingga akhirnya

menjadi sebuah muzium. Antara fungsi Kota Ngah Ibrahim adalah menjadi pusat pentadbiran British, Markas Pertahanan Tentera Jepun, Mahkamah, Penjara dan pusat pendidikan.

Selain pameran, turut diadakan aktiviti STEM (Science, Technology, Engineering and Mathematics) dimana para pelajar berpeluang membuat *Solar-Powered Wind Car* iaitu membuat sebuah kereta yang menggunakan tenaga solar untuk bergerak dengan menggunakan kit STEM yang telah dibekalkan oleh pihak muzium.

Pameran yang dianjurkan oleh Muzium Matang ini bukan sekadar memperingati tokoh sejarah, tetapi turut berfungsi sebagai medium pendidikan yang menyemai jati diri. Melalui pendekatan santai tetapi berinformasi, para pelajar bukan sahaja menimba ilmu baharu, malah dapat menghayati semangat perjuangan tokoh terdahulu.

KERJA-KERJA NAIK TARAF KECIL MUZIUM MARIN LABUAN TAHUN 2025

Oleh: Sufianah bin Alias, Muzium Marin Labuan

LABUAN - Sepanjang tahun 2025, beberapa projek pembangunan kecil telah berjaya dilaksanakan di Muzium Marin Labuan dengan menggunakan peruntukan yang disalurkan oleh Jabatan Wilayah Persekutuan melalui Perbadanan Labuan di bawah Program Pengurusan Perbandaran (Peruntukan Khas Wilayah Persekutuan Tahun 2024- Fasa 3). Selain itu, muzium turut menerima peruntukan Projek Pembaikan, Pemuliharaan, Ubah Suai dan Naik Taraf (PPUN) daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) bagi meningkatkan kemudahan serta keselesaan kepada pelawat dan kakitangan Muzium Marin Labuan.

Inisiatif ini merupakan usaha berterusan dalam memastikan persekitaran muzium lebih kondusif, moden dan berdaya saing. Antara projek di bawah peruntukan Jabatan Wilayah Persekutuan yang telah dilaksanakan termasuk kerja-kerja membuka, membekal dan memasang lapisan penapisan (*tinted*) pada cermin bangunan galeri pameran. Langkah ini bertujuan mengurangkan kemasukan sinaran UV dan haba sekali gus meningkatkan keselesaan pengunjung.

Selain itu, kerja-kerja menaik taraf lobi turut dijalankan, termasuk menanggalkan cat lama dan mengecat semula dinding pameran di aras bawah galeri pameran. Penambahbaikan lain melibatkan kerja-kerja membongkar dan memasang panel kaca baharu pada kolam sentuh (*touch pool*), sistem akuarium serta kaunter informasi yang baharu di lobi muzium.



Seterusnya, projek menaik taraf peti pameran diorama paya bakau di galeri aras bawah turut dilaksanakan. Perkhidmatan penggambaran video berkaitan Hutan Paya Bakau Kinabenuwa di Wilayah Persekutuan Labuan juga telah dijalankan bagi memperkaya kandungan segmen pameran paya bakau berkenaan. Dalam masa yang sama, Muzium Marin Labuan turut menerima peruntukan PPUN daripada MOTAC bagi pelaksanaan projek senggaraan dan naik taraf papan tanda jenis *lightbox* serta kerja-kerja berkaitan.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan projek pembangunan sepanjang tahun 2025 ini adalah sebahagian daripada usaha untuk memastikan Muzium Marin Labuan sentiasa berada dalam keadaan yang lebih menarik dan selesa, di samping menyediakan kemudahan pada tahap terbaik. Penambahbaikan ini bukan sahaja meningkatkan imej organisasi, malah memberikan pengalaman lawatan yang lebih berkualiti kepada pengunjung. Diharapkan usaha ini akan terus memberi manfaat kepada semua untuk jangka masa panjang.

PAMERAN PERMAINAN TRADISIONAL DI SEKOLAH KEBANGSAAN NGAH IBRAHIM

Oleh: Asuana binti Derani, Muzium Matang

MATANG - Pada 21 April 2026 (Selasa), Muzium Matang telah mengadakan Pameran "Permainan Tradisional" di Sekolah Kebangsaan Nгах Ibrahim, Matang, Perak. Tujuan pameran tersebut iaitu memberikan pengetahuan dan pendedahan kepada para pelajar mengenai permainan tradisional yang semakin kurang dikenali oleh generasi masa kini, di samping mengimbas semula nostalgia warisan budaya.

Melalui pameran ini, pelajar berpeluang merasai pengalaman bermain permainan tradisional seperti galah panjang. Antara permainan lain yang dipamerkan iaitu gasing, tuju guli, congkak dan wau. Aktiviti sebegini bukan sahaja mampu merangsang minda, malah memupuk semangat berpasukan dalam kalangan pelajar.

Selain aktiviti demonstrasi permainan tradisional, pelajar-pelajar juga berpeluang menyertai aktiviti STEM (Science, Technology, Engineering and Mathematics). Dalam aktiviti ini, para pelajar diberi peluang membina model *Solar Race Car* dan *Rickshaw*. Aktiviti *Solar Race Car* memberikan pendedahan kepada konsep tenaga solar sebagai sumber tenaga boleh diperbaharui serta asas pergerakan kenderaan. Manakala modul *Rickshaw* pula mengasah kreativiti dan kemahiran pelajar dalam menyusun komponen bagi menghasilkan model kenderaan.

Seramai 112 orang murid dari Tahun 1 hingga Tahun 6 telah menyertai program ini dengan bimbingan guru-guru serta kakitangan Muzium Matang. Aktiviti ini berjaya menjadikan pembelajaran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik lebih interaktif, praktikal dan menyeronokkan.

Pameran ini merupakan antara inisiatif Muzium Matang dalam memperkenalkan dan memelihara warisan budaya kepada generasi muda. Melalui program ini, pelajar didedahkan kepada nilai warisan, semangat kerjasama, kesukanan serta kepentingan mengekalkan permainan tradisional agar tidak hilang ditelan zaman. Sambutan pelajar amat menggalakkan dan mereka menunjukkan minat yang tinggi terhadap setiap aktiviti yang dijalankan.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya mencapai objektif pelaksanaannya dengan menggabungkan elemen pendidikan warisan dan STEM secara seimbang. Program ini bukan sahaja menarik minat pelajar, malah meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan budaya tradisional serta inovasi dalam pembelajaran moden.



Bicara @Muzium

MENGUPAS SENI TANGGAM MELALUI EKSPERIMENTASI DALAM PEMBUATAN

Oleh: Nazamremi bin Ibrahim, Muzium Seni Bina Malaysia



MELAKA – Muzium Seni Bina Malaysia telah berjaya melaksanakan program Bicara @ Muzium yang bertajuk "Di Sebalik Seni Tanggam: Eksperimentasi Dalam Pembuatan". Bertempat di HeArt & Lova Café (Kafe Muzium Seni Bina Malaysia), penganjuran ini merupakan sebahagian daripada program tahunan untuk memperkukuh penyebaran ilmu pengetahuan berkaitan seni bina tradisional kepada masyarakat umum secara lebih efektif. Program yang berlangsung pada 9 April 2026 dari jam 9.30 pagi hingga 2.00 petang ini menampilkan Encik Zul Fadzly bin Mohd Salleh, Pereka dan Arkitek Projek daripada firma ZMS Arkitek sebagai panel jemputan. Sesi perbincangan tersebut telah dikendalikan oleh Encik Mokhtar bin Tamby Ahmad, Pengarah Muzium Seni Bina Malaysia, yang bertindak sebagai moderator.

Tumpuan utama perkongsian ini adalah untuk memberikan pendedahan mendalam mengenai konsep dan pendekatan eksperimentasi dalam pembuatan seni tanggam. Selain mengetengahkan teknik pembinaan tradisional yang utuh tanpa penggunaan paku, pembentang turut mengupas integrasi kaedah moden seperti pemesanan fabrikasi digital. Kajian ini menilai aspek kekuatan mekanikal, kestabilan struktur, serta kepraktisan aplikasi tanggam dalam penghasilan produk kontemporari, termasuk perabot modular dan komponen seni bina masa kini.

Program ini dihadiri seramai 40 peserta secara fizikal yang terdiri daripada pelajar jurusan seni bina dari Politeknik Merlimau dan Kolej Komuniti Jasin, Melaka. Selain itu, bagi meluaskan jangkauan ilmu, program ini turut disiarkan secara langsung melalui platform Facebook Live yang berjaya mencatatkan sebanyak 1,571 tontonan, sekali gus mencerminkan sambutan yang sangat menggalakkan daripada orang awam. Sebagai pengisian tambahan, sesi soal jawab dan lawatan berpandu di sekitar galeri muzium turut diadakan bagi memberikan pemahaman visual kepada peserta mengenai aplikasi seni tanggam dalam struktur bangunan sebenar. Adalah diharapkan agar inisiatif program Bicara @ Muzium ini dapat diteruskan secara konsisten sebagai platform utama dalam memperkasa usaha pemeliharaan serta penyebaran khazanah warisan seni bina negara demi manfaat generasi akan datang.



INTERAKSI PERADABAN DAN PEMBENTUKAN IDENTITI TAMADUN AWAL LEMBAH BUJANG

Oleh: Nordiana binti Nordin, Muzium Arkeologi Lembah Bujang

Setiausaha Bahagian Kewangan dan Pembangunan KPN Tinjau Projek Pemuliharaan dan Pemeliharaan Galeri Rumah Ngah Ibrahim

Oleh : Nur Nasihah Mohamed Ariffin, Muzium Matang

MATANG - Muzium Matang telah menerima kunjungan lawatan kerja daripada Yang Berusaha Encik Khairulizam bin Othman, Setiausaha Bahagian Kewangan dan Pembangunan, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) bersama kakitangan pada 24 Januari 2026. Lawatan kerja tersebut diadakan bersempena kerja-kerja pemantauan perkembangan ke atas semua projek pemuliharaan dan pemeliharaan yang sedang dilaksanakan dibawah Kementerian Perpaduan Negara. Muzium Matang merupakan salah satu lokasi lawatan tersebut yang kini sedang melaksanakan "Projek Pemuliharaan dan Pemeliharaan Bangunan Galeri Rumah Ngah Ibrahim".

Lawatan disambut oleh Puan Nor Aini binti Hassan, Ketua Muzium Matang yang dimulai dengan sesi taklimat lawatan berpandu di galeri dan seterusnya penerangan berkaitan status perkembangan kemajuan kerja bagi Projek Pemuliharaan dan Pemeliharaan Bangunan Galeri Rumah Ngah Ibrahim yang sedang dilaksanakan di Muzium Matang oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR). Perkembangan kemajuan kerja yang telah dijalankan seperti berikut :

- i. Telah selesai dijalankan "Kerja-Kerja Penyiasatan Tapak dan Pengujian Makmal" oleh kontraktor "Northern Geo Solutions" yang dilantik oleh pihak Cawangan Kejuruteraan Geoteknik, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR).
- ii. Telah selesai dijalankan "Kerja-kerja Penyediaan Lukisan Terukur oleh A&S FM Consultant Sdn. Bhd. yang dilantik oleh pihak Cawangan Kejuruteraan Geoteknik, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR).

Dapatan daripada lawatan tersebut diharap projek ini berjaya dilaksanakan mengikut skop kerja dan ketetapan masa yang ditetapkan bagi mencapai matlamat objektif projek dan seterusnya berjaya melaksanakan kerja-kerja naik taraf Galeri Pameran Rumah Ngah Ibrahim.



LEMBAH BUJANG - Saban tahun, program Bicara@Muzium terus menjadi wadah utama kepada muzium-muzium di bawah pentadbiran Jabatan Muzium Malaysia (JMM) sebagai platform ilmiah yang menghimpunkan para penyelidik, ahli akademik dan kurator. Bicara@Muzium Arkeologi Lembah Bujang (MALB) telah diadakan pada 13 April 2026 dengan tajuk "Interaksi Peradaban dan Pembentukan Identiti Tamadun Awal Lembah Bujang". Program ini menampilkan tiga sesi pembentangan ilmiah yang membincangkan pelbagai aspek berkaitan perkembangan tamadun awal di rantau Nusantara.

Sesi pembentangan pertama dimulakan oleh Profesor Madya Dr. Nasha bin Rodziadi Khaw daripada Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG), Universiti Sains Malaysia (USM) dengan tajuk "Sumber Ilmu dan Cerminan Warisan serta Identiti Tamadun Awal di Nusantara". Pembentangan ini memberi penekanan terhadap peranan sumber ilmu dalam membentuk warisan dan identiti masyarakat awal. Sesi seterusnya disampaikan oleh Encik Zakaria Basheer bin Ahmad Basheer daripada Advokator Budaya dan Masyarakat Peranakan Arab Nusantara melalui tajuk "Interaksi Dunia Arab dan Alam Melayu: Asimilasi Budaya dan Pembentukan Jatidiri". Pembentangan ini mengetengahkan hubungan antara dunia Arab dan Alam Melayu serta kesannya terhadap pembentukan identiti masyarakat tempatan. Sesi pembentangan terakhir pula disampaikan oleh Dr. Salwa binti Ayob daripada UiTM Perak dengan tajuk "Kaedah dan Teknik Pengkelasan Artifak Jumpaan di Lembah Bujang", yang memfokuskan kepada pendekatan sistematik dalam pengkelasan artifak arkeologi. Keseluruhan sesi pembentangan ini telah dikendalikan oleh Dr. Yunus bin Sauman @ Sabin sebagai moderator daripada Fakulti Jabatan Sejarah, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Program Bicara@MALB telah menghimpunkan para pensyarah dan pelajar dari IPG, IPTA dan IPTS, pencinta sejarah serta wakil agensi-agensi kerajaan dalam satu sesi perkongsian ilmu yang santai namun penuh bermakna. Program ini bertujuan memperkasa kesedaran masyarakat terhadap kepentingan warisan arkeologi, di samping menonjolkan peranan Lembah Bujang sebagai salah satu pusat tamadun awal di rantau ini. Berdasarkan data yang diperoleh, kehadiran peserta melebihi 80 orang, manakala siaran langsung program ini turut mencatatkan lebih daripada 2,400 tontonan menerusi Facebook Live Muzium Arkeologi Lembah Bujang.

PROGRAM BICARA KURATOR SIRI 1 OBJEK DAN MAKNA: TAFSIRAN BUDAYA DALAM KURASI DAN PEMIKIRAN

Oleh: Juliya binti Othman, Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi

KUALA LUMPUR, 9 April 2026 – Jabatan Muzium Malaysia (JMM) melalui Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi telah menganjurkan Program Bicara Kurator Siri 1 bagi tahun 2026. Bertempat di Bilik Persidangan JMM dan dipancarkan secara dalam talian melalui platform *Zoom Meet* dan *Facebook* Jabatan Muzium Malaysia, program ini mengangkat tema “Objek dan Makna: Tafsiran Budaya dalam Kurasi dan Pemikiran” sebagai platform perkongsian ilmu antara kurator, penyelidik, dan masyarakat umum. Sesi yang dikendalikan oleh Puan Juhazniza binti Musa sebagai moderator ini menampilkan dua pembentang yang mengupas peranan objek daripada sudut tradisi rakyat dan analisis falsafah yang mendalam.

Pembentang pertama, Dr. Mohammad Umair bin Abd Rahim, Kurator dari Galeri Sultan Nazrin Shah, Universiti Malaya, mengukuhkan perbincangan dengan perkongsian bertajuk “Rekonstruksi Naratif Objek Budaya: Satu Penelitian Falsafah”. Beliau menjelaskan bahawa naratif adalah representasi peristiwa yang membentuk persepsi manusia, malah manusia cenderung membina cerita walaupun pada objek yang statik. Dalam konteks permuziuman, rekonstruksi naratif merupakan aktiviti mengkonfigurasi semula naratif sedia ada secara berterusan bagi memastikan ketepatan dan relevansi sejarah. Dr. Umair menegaskan bahawa sesebuah objek menjadi “objek budaya” apabila pihak institusi memutuskan kepentingan objek tersebut untuk dipelihara dan dipamerkan melalui kerangka makna yang saintifik dan estetik.

Dr. Umair turut membangkitkan isu penting mengenai tanggungjawab epistemologi kurator dalam membina naratif. Beliau memberi contoh bagaimana perbezaan cara penyampaian naratif tentang asal-usul koleksi,

seperti keris atau mural sejarah, boleh memberi kesan besar kepada kefahaman pelawat. Kegagalan dalam melakukan rekonstruksi naratif yang tepat bukan sahaja membawa kepada misrepresentasi etika, malah boleh melumpuhkan fungsi pendidikan sesebuah muzium. Oleh itu, kurator digesa untuk sentiasa melakukan semakan koleksi, kajian literatur, dan analisis perbandingan bagi memastikan setiap naratif yang dibina bersifat sahih dan sensitif terhadap konteks sejarah asal.

Seterusnya, Puan Nor Hanisah binti Ahmad, Timbalan Pengarah Muzium Negara, membawa para peserta menerokai pemikiran dunia Melayu melalui Tarian Bubu yang berasal dari Kampung Tanjung Bidara, Perak. Tarian tradisional ini unik kerana menggunakan peralatan menangkap ikan bubu atau lukah, sebagai elemen persembahan utama. Menurut sejarahnya, tarian ini diasaskan oleh seorang bomoh bernama Pandak Keladi kira-kira 150 tahun yang lalu sebagai hiburan sementara menunggu hasil tangkapan ikan pada musim padi masak. Transformasi bubu daripada sekadar alat utiliti kepada objek seni yang dipersembahkan di majlis keramaian menunjukkan bagaimana budaya dan kepercayaan masyarakat setempat mampu memberikan makna baharu kepada objek harian.

Sebagai kesimpulan, Bicara Kurator Siri 1/2026 ini membuktikan bahawa setiap objek budaya mempunyai nilai sejarah, simbolik, dan falsafah yang tersendiri. Melalui gabungan dokumentasi tradisi seperti Tarian Bubu dan penerapan piawai falsafah dalam kurasi, Jabatan Muzium Malaysia terus komited dalam memastikan warisan budaya negara tidak sekadar menjadi bahan tontonan, tetapi menjadi sumber pengetahuan yang dinamik dan terus difahami secara mendalam oleh generasi akan datang.



Bengkel Penulisan Artikel Jurnal Berimpak Tinggi Menggunakan Aplikasi Kecerdasan Buatan (AI)

Oleh: Raja Suriaty binti Raja Ahmed, Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi

MELAKA - Jabatan Muzium Malaysia (JMM) melalui Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi (BPD) telah menganjurkan Bengkel Penulisan Artikel Jurnal Berimpak Tinggi Menggunakan Aplikasi Kecerdasan Buatan (AI) pada 27 hingga 29 April 2026 bertempat di Puteri Bay Hotel, Melaka. Bengkel ini dianjurkan sebagai salah satu inisiatif untuk memperkukuh keupayaan pegawai dan kakitangan dalam bidang penulisan ilmiah, penyelidikan serta penggunaan teknologi kecerdasan buatan secara beretika, berkesan dan bertanggungjawab. Program selama tiga hari ini melibatkan penyertaan kakitangan daripada pelbagai bahagian, unit dan muzium di bawah JMM.

Penganjuran bengkel ini bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta dalam menggunakan aplikasi Kecerdasan Buatan atau *Artificial Intelligence* (AI) bagi membantu proses penyelidikan dan penulisan artikel jurnal. Selain itu, bengkel ini turut memberi pendedahan kepada peserta mengenai penggunaan AI generatif dalam penyediaan rangka penulisan, penjanaan idea, analisis data, penyuntingan teks serta penyediaan bahan pembentangan. Peserta juga diberi kefahaman berhubung aspek integriti, etika, hak cipta, keselamatan data dan privasi dalam penggunaan AI bagi memastikan teknologi ini dimanfaatkan secara berhemah dan selaras dengan prinsip penulisan ilmiah. Sepanjang bengkel berlangsung, peserta telah mengikuti beberapa modul yang dirancang secara berperingkat bagi memberi kefahaman menyeluruh tentang penggunaan AI dalam penulisan dan penyelidikan. Antara pengisian bengkel termasuk pengenalan kepada *Artificial Intelligence* (AI) dan *Generative AI*, penerokaan *chatbot* AI terkini, aplikasi AI generatif dalam penyelidikan, konsep penggunaan AI dalam penulisan, teknik *prompting*, pengurusan projek penulisan berbantuan AI, analisis data dan maklumat serta kaedah menukar hasil analisis kepada bentuk penulisan yang lebih kemas dan berstruktur.

Bengkel ini turut memberi penekanan kepada implikasi integriti, etika dan hak cipta dalam penulisan yang dibantu oleh penggunaan AI. Melalui pengisian ini, peserta didedahkan kepada isu hak cipta dalam karya yang dihasilkan dengan bantuan AI, kepentingan mengekalkan integriti dalam penulisan, etika penggunaan teknologi serta aspek keselamatan data dan privasi. Penekanan ini penting bagi memastikan penggunaan AI tidak menjejaskan ketulenan, kredibiliti dan kualiti penulisan yang dihasilkan.

Selain itu, peserta turut diperkenalkan kepada pelbagai aplikasi digital dan Gen AI yang boleh dimanfaatkan dalam tugas penyelidikan, penulisan dan penerbitan. Antara aplikasi yang diperkenalkan termasuk ChatGPT, Claude, DeepSeek, Gemini, Grok, Jenni AI, Kimi AI, Qwen, NotebookLM, Gamma, Perplexity AI dan SciSpace. Pendedahan kepada aplikasi-aplikasi ini membolehkan peserta memahami fungsi dan kesesuaian setiap platform mengikut keperluan kerja masing-masing, khususnya dalam pengurusan maklumat, penyediaan instrumen kajian, analisis data, penyediaan slaid dan penghasilan infografik.

Pada hari terakhir bengkel, peserta mengikuti modul berkaitan pembentangan dibantu AI yang memberi tumpuan kepada kaedah menukar bahan penulisan kepada slaid dan infografik. Sesi ini turut memberi ruang kepada peserta untuk berkongsi hasil kerja, idea penulisan serta pendekatan penggunaan AI dalam konteks tugas masing-masing. Melalui sesi pembentangan dan maklum balas, peserta berpeluang menilai potensi AI sebagai alat sokongan dalam memperkukuh budaya penyelidikan, penulisan dan penerbitan di JMM.

Secara keseluruhannya, penganjuran bengkel ini telah memberi nilai tambah kepada pembangunan kompetensi pegawai JMM, khususnya dalam aspek penulisan artikel jurnal berimpak tinggi. Melalui latihan secara praktikal, peserta dapat memahami aliran kerja penulisan berbantuan AI secara lebih sistematik, bermula daripada pencarian idea, penyusunan rangka, analisis maklumat, penyediaan draf, penyuntingan sehingga kepada pembentangan hasil. Bengkel ini juga menegaskan bahawa AI tidak menggantikan peranan penyelidik atau penulis, sebaliknya berfungsi sebagai alat sokongan bagi meningkatkan kecekapan, ketepatan dan kualiti hasil kerja.

Penganjuran Bengkel Penulisan Artikel Jurnal Berimpak Tinggi Menggunakan Aplikasi Kecerdasan Buatan (AI) ini merupakan langkah strategik dalam membangunkan modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran dan responsif terhadap perkembangan teknologi semasa. Diharapkan ilmu dan kemahiran yang diperoleh peserta dapat diterjemahkan dalam penghasilan penulisan ilmiah yang berkualiti serta menyumbang kepada pemerkasaan bidang penyelidikan, pendokumentasian dan permuziuman negara.



PENEROKAAN SEJARAH ALAM SEMULAJADI

DI KEPULAUAN MELAYU PADA ABAD KE 19 DAN 20

Oleh : Muhammad Afiq bin Azizan, Muzium Alam Semulajadi

Pengkajian sejarah berkaitan alam semula jadi negara dilihat kurang diberikan penekanan berbanding pengkajian sejarah dari segi politik, ekonomi, etnografi dan sosial. Hal ini demikian kerana kebanyakan laporan dan penulisan tentang sejarah alam semula jadi dihasilkan oleh pegawai dan pengembara kolonial. Keadaan ini jelas sewaktu penjelajahan Eropah di Kepulauan Melayu yang kemudiannya membawa kepada penjajahan awal di rantau ini. Penempatan pegawai-pegawai kolonial bukan sahaja bertujuan mentadbir, malah turut melaksanakan kajian lapangan. Pembelajaran dan kajian oleh pegawai-pegawai Eropah berkaitan sejarah, sastera dan seni di Asia Tenggara sering menggambarkan masyarakat sebagai mundur, kolot dan lemah sekali gus memberikan justifikasi kepada kuasa Barat untuk menakluk, memerintah dan menguasai wilayah ini. Oleh itu, kajian sejarah alam semula jadi sering dilihat sebagai pengagungan ilmu barat dan menolak atau meminggirkan ilmu kearifan tempatan yang turut dilabel sebagai bersifat orientalis.



Patung Alfred Russel Wallace dan Ali Wallace di Muzium Alam Semulajadi Lee Kong Chian di Singapura.

Sumber: Gambar Peribadi Encik Mohd Khairill bin Jemangin

Antara tokoh penting dalam penulisan dan kajian alam semula jadi di Kepulauan Melayu adalah Alfred Russel Wallace. Kajian beliau telah melakar satu sempadan biogeografi yang dikenali sebagai Garisan Wallace (*Wallace's Line*). Garisan ini menunjukkan perubahan fauna yang ketara antara Borneo, Kepulauan Jawa, dan

Bali di satu bahagian, dengan Sulawesi dan Lombok di bahagian yang lain. Selain beliau, terdapat ramai pegawai kolonial yang menulis tentang alam semula jadi yang diselitkan sekali di dalam penulisan umum mengenai sesuatu kawasan. Antaranya adalah penulisan *History of Sumatra* (1811) oleh William Marsden, yang pernah berkhidmat sebagai Setiausaha di Benkulen / Bangkahulu (1771-1779).


Melalui maklumat daripada penjelajahan ke pedalaman Sumatera oleh dua orang ahli botani iaitu Charles Miller dan Charles Campbell, William Marsden berjaya menghasilkan karya tersebut sebagai satu panduan dan gambaran menyeluruh tentang masyarakat di Sumater. Karya ini merangkumi aspek geografi, pertanian, sumber hutan, adat dan budaya serta linguistik. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa masyarakat di Tanah Melayu juga mempunyai pengetahuan tersendiri tentang alam semula jadi walaupun pendekatannya berbeza. Cara untuk memperoleh ilmu pada ketika itu terbahagi kepada dua iaitu secara formal melalui sumber bertulis seperti manuskrip dan secara tidak formal melalui pengalaman harian atau penceritaan lisan.

Hal ini dapat dilihat melalui kajian terhadap manuskrip lama seperti Kitab Tib MSS2515 yang memperlihatkan masyarakat terdahulu memahami kepentingan dan manfaat sesetengah tumbuhan herba dalam rawatan penyakit. Sebagai contoh, tumbuhan kelubu (*Caesalpinia bonducella*), orok-orok (*Crotalaria retusa* L.), Sirih (*Piper betle*) dan Pokok Pinang (*Areca catechu*) digunakan untuk merawat sakit gigi. Dari sudut ilmu tidak formal pula, penyampaian ilmu sering berlaku secara lisan, misalnya melalui pantun yang merupakan antara bentuk sastera yang tertua di Alam Melayu. Pantun ini bersifat mudah difahami semua lapisan masyarakat sama ada kanak-kanak, pedagang, peniaga mahupun golongan intelektual. Pantun juga sering menggabungkan unsur alam semula jadi dengan elemen nasihat kehidupan seperti berikut:

“ Burung merbuk di tepi pekan,
Pipit tuli mati terjerat,
Buah mabuk jangan dimakan,
Pokok berduri jangan dipanja ”

Pantun ini secara zahirnya menceritakan mengenai binatang yang leka terjerat pada dua baris pertama serta bahaya jika tidak peka dengan flora-flora yang ingin diambil atau makan pada baris seterusnya.

Akan tetapi, ia juga boleh diambil sebagai nasihat kepada semua lapisan masyarakat untuk sentiasa peka untuk mengelakkan kecederaan atau kebinasaan terhadap seseorang. Di sini kita dapat melihat bahawa cara-cara penaakulan ilmu sejarah alam semulajadi adalah berbeza berbanding pendekatan emperikal saintifik barat namun ianya tidak kurang manfaat kepada masyarakat. Pemahaman masyarakat tempatan terhadap ilmu sejarah



alam semulajadi, termasuklah zoologi, botani, dan geologi, ternyata berbeza daripada cara penjelajah Eropah dan pegawai kolonial mendekati penulisan dan pemahaman ilmu tersebut. Namun, walaupun terdapat perbezaan pemahaman, pegawai kolonial dan penjelajah Eropah tetap bergantung kepada pertolongan masyarakat tempatan untuk menjalankan kerja-kerja pengenalan, pengumpulan bagi pencatatan dan penyelidikan mereka. Tokoh-tokoh perintis dalam bidang ini terdiri daripada pegawai kolonial dan orang tempatan yang diambil bekerja sebagai kakitangan atau upahan bagi kerja sewaktu kerja lapangan atau ekspedisi. Tanpa pengetahuan dan peranan ilmu orang tempatan sebagai penunjuk arah, pengecaman spesimen ianya dilihat sebagai mustahil bagi pegawai-pegawai ini untuk mengumpul spesimen yang kini menjadi koleksi-koleksi muzium utama di negara ibunda empayar mereka. Antara tokoh tempatan adalah Ali Wallace, yang merupakan pembantu kepada Alfred Russel Wallace giat membantu beliau mengumpul spesimen fauna terutamanya burung. Selain itu, H.N. Ridley, perintis industri getah di Tanah Melayu turut dibantu oleh Tassim Daud pencarian flora-flora tempatan dan beliau dilantik sebagai pembantu herbarium di *Singapore Garden* (1886-95). Selain Tassim Daud, terdapat juga pembantu herbarium lain iaitu Mohamed Haniff di mana beliau bertugas selama 36 tahun dengan Gardens Department dan diiktiraf di dalam notis obituari bahawa sumbangan beliau terhadap ilmu pencarian dan penjagaan botani.

Kesimpulannya, terdapat perbezaan cara penaakulan, pemahaman dan metodologi terhadap pemahaman ilmu alam semulajadi. Berdasarkan budaya yang kita dapat lihat masyarakat tempatan secara umumnya berfokus kepada pengaplikasian manakala, pegawai kolonial dan penjelajah Eropah ingin membuat pengumpulan, identifikasi dan pencatatan flora dan fauna sebagai pendekatan ilmu alam semulajadi. Walaupun kedua-dua pendekatan ini berbeza, ia tidak mengurangkan kepentingan kedua-dua pemahaman ini terhadap perkembangan sejarah alam semulajadi.

Rujukan

Ahmad Bazli Ahmad Hilmi, Nazariyah Yahaya, Liyana Amalina Adnan, Zulkarnin Zakaria, Muhammad Hakim Kamal, Nur Nadia Fadhlina Daman Hurif, A'wani Aziz Nurdalila, "Dental Disease Treatment In The Tib Manuscript MSS2515 Via Halal Material Usage," *Journal of Fatwa Management and Research* Vol 30, No.2, 2025, hlm. 103-114.

Harun Mat Piah, "Ilmu Perubatan Melayu Tradisional dari Naskhah-Naskhah Lama", *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* Vol 3, No.3, 2015, hlm. 3-17.

<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=Orientalism&d=382696&#LIHATSINI>

<https://www.nationaalherbarium.nl/FMCollectors/T/TassimDaud.htm#collections>

<https://www.nparks.gov.sg/sbg/research/publications/gardens-bulletin-singapore/-/media/sbg/gardens-bulletin/4-4-05-2-11-y1930-v5p2-gbs-pg-161.pdf>

<https://biblioasia.nlb.gov.sg/vol-17/issue-1/apr-jun-2021/humanxnature/>

Jeyamalar Kathirithamby-Wells, "Peninsular Malaysia in the Context of Natural History and Colonial Science", *New Zealand Journal of Asian Studies* Vol 11, No.1, 2009, hlm. 337-374.

Jeyamalar Kathirithamby-Wells, 2005, *Nature and Nation Forest and Development in Peninsular Malaysia*, Singapore, NIAS Press.

Mohd Fazli Abd Malek & Abu Hanifah Haris, "Isu-Isu Alam Sekitar dan Perhutanan di Tanah Melayu sehingga Tahun 1901" *SEJARAH: Journal of the Department of History*, Vol. 31 No. 2, 2022, hlm. 17-40.

Muhammad Khalil Khirruddin, and Mas Rynna Wati Ahmad, (2023) "Perlambangan unsur alam dalam pantun Melayu terpilih dari sudut pandangan ekokritikan," *Jurnal Melayu*, 2023, hlm. 46-59

Menjejaki SEJARAH EDWARDES TOWN LABUAN

Oleh: Zainon Halon, Muzium Labuan.

Siri III



Pada pertengahan abad ke-19, Edwardes Town muncul sebagai nadi pembangunan ekonomi colonial British di Borneo. Menelusuri sejarah pekan ini seolah-olah membawa pengunjung menyusuri terowong-terowong perlombongan bawah tanah yang gelap, saksi bisu kepada ratusan pelombong yang menyumbang kepada keperluan industri British. Tinggalan antropogenik seperti jentera perlombongan, menara Chimney, rel kereta api serta struktur binaan lama merupakan warisan sejarah bernilai tinggi yang wajar diketengahkan bagi memperkukuh kefahaman generasi kini dan akan datang terhadap sejarah Labuan, sebuah pulau kecil yang kaya dengan nilai warisan industri.

Pelantikan Hon. George Warren Edwardes sebagai Gabenor British di Labuan pada tahun 1856 menandakan satu fasa penting dalam sejarah pentadbiran kolonial pulau ini. Ketibaan beliau memperlihatkan realiti yang jauh menyimpang daripada jangkaan apabila Labuan didapati berada dalam keadaan ekonomi yang merosot, bangunan kerajaan yang uzur, sistem saliran yang tidak terurus serta penularan wabak malaria dalam kalangan penduduk. Keadaan tersebut bukan sahaja menjejaskan kelangsungan operasi perlombongan arang batu, malah mencetuskan penghijrahan besar-besaran imigran Cina dan India. Wabak malaria turut meragut nyawa beberapa pegawai British, termasuk pengurus

Eastern Archipelago Company, sekali gus memburukkan lagi keadaan pentadbiran dan ekonomi Labuan.

Meskipun berhadapan dengan pelbagai cabaran, Gabenor Edwardes bertekad untuk memulihkan Labuan demi mewujudkan sebuah pentadbiran yang lebih berkesan. Usaha beliau tertumpu kepada pemulihan ekonomi melalui pembangunan semula industri perlombongan arang batu. Namun demikian, inisiatif ini berdepan tentangan oleh birokrasi kerajaan pusat British yang menganggap Labuan tidak lagi berpotensi untuk menjana pulangan ekonomi. Malah, wujud cadangan agar Labuan ditinggalkan sebagai koloni. Cadangan ini bagaimanapun ditentang oleh beberapa pegawai kanan British yang menegaskan kepentingan strategik Labuan, terutamanya dalam menangani persaingan geopolitik kuasa-kuasa besar Eropah seperti Sepanyol dan Perancis.

Spenser St. John, seorang pegawai British, berhujah bahawa kegagalan ekonomi Labuan bukan berpunca daripada kekurangan sumber, sebaliknya disebabkan pengurusan syarikat perlombongan yang lemah. Herman Merivale dari Pejabat Kolonial pula menegaskan bahawa Labuan wajar dipertahankan kerana memiliki sumber arang batu yang mudah diperolehi serta kedudukannya yang strategik di laluan perdagangan antarabangsa. Faktor-faktor ini menjadikan Labuan berpotensi untuk dibangunkan sebagai rangkaian



maritim, pelabuhan perdagangan dan pangkalan ketenteraan British di rantau Borneo.

Dengan sokongan tersebut, usaha pemulihan yang digerakkan oleh Gabenor Edwardes mula menampakkan hasil. Antara langkah utama yang dilaksanakan ialah menjalinkan hubungan diplomatik dengan China dan koloni British lain bagi mendapatkan tenaga buruh untuk perlombongan, pembinaan jalan raya, sistem saliran dan kemudahan pelabuhan. Kumpulan pertama buruh Cina dari Hong Kong tiba di Labuan pada tahun 1857

dan terdiri daripada banduan yang ditempatkan di Penjara Labuan. Pada 28 Disember 1858, seramai 60 orang lagi banduan dihantar untuk bekerja di lombong arang batu di bahagian utara Labuan. Selain itu, buruh dari Singapura dan India turut dibawa masuk bagi memenuhi keperluan pembangunan infrastruktur. Penggunaan tenaga kerja banduan merupakan strategi kerajaan British yang bukan sahaja bertujuan mengenakan hukuman berat kepada pesalah, malah berfungsi sebagai mekanisme untuk mengaktifkan semula industri perlombongan yang mengalami kemerosotan.

Perkembangan ini menarik minat kapitan-kapitan Cina dari Negeri-Negeri Selat untuk berhijrah ke Labuan dan Borneo Utara bagi mengusahakan pelbagai kegiatan ekonomi, termasuk perdagangan sagu, tembakau, candu, pembuatan batu bata serta pembukaan kedai keperluan harian. Dalam tempoh yang sama, Labuan Coal Company meneruskan operasi perlombongan dengan pengeluaran sekitar 10,807 tan arang batu melalui lombong bawah tanah sedalam ratusan kaki. Peningkatan pengeluaran arang batu menyebabkan keperluan buruh bertambah, sekali gus mendorong kemasukan buruh luar secara besar-besaran terutamanya buruh Cina. Syarikat perlombongan turut menyewa kapal wap bagi penghantaran arang batu ke Hong Kong.

Pertukaran pengendali lombong dalam kalangan syarikat British seperti Oriental Coal Company, Central Borneo Company, New Central Borneo Company, Labuan and Borneo Company dan Labuan Coalfields Company menyebabkan aliran migrasi buruh luar berlaku secara berterusan. Keadaan ini menjadikan Edwardes Town sebagai pusat penempatan utama komuniti Cina di samping imigran India, Eropah, penduduk pribumi Borneo dan orang

Melayu. Seiring dengan pertambahan populasi, pelbagai kemudahan awam dan sosial dibina, termasuk pejabat pentadbiran, kediaman pegawai, asrama pekerja, klinik, kedai runcit, stor simpanan dan perpustakaan.

Kemasukan buruh asing ke Labuan juga membawa implikasi terhadap ketenteraman awam, khususnya di kawasan perlombongan Tanjung Kubong. Penggunaan candu yang dibawa oleh imigran Cina, yang pada awalnya dianggap sebagai kaedah untuk mengurangkan keletihan dan tekanan kerja telah menyumbang kepada perkembangan aktiviti penjualan candu dan alkohol secara meluas. Ketagihan candu tidak terhad dalam kalangan pelombong Cina semata-mata, sebaliknya turut menular dalam kalangan pelombong India dan Melayu. Galakan kerajaan British terhadap pembukaan ladang penanaman candu atas alasan keuntungan ekonomi telah memperluaskan lagi jaringan perdagangan candu di Labuan.

Fenomena ini secara tidak langsung mewujudkan persekitaran sosial yang mencabar pentadbiran kolonial dalam usaha mengekalkan kestabilan serta keselamatan awam. Antara tokoh utama yang terlibat dalam kegiatan ini ialah Chee Swee Cheng dan Lee Cheng Hoo, kedua-duanya berasal dari Melaka dan berperanan penting dalam menggerakkan ekonomi candu di kawasan perlombongan. Situasi ini mendorong pihak British untuk menubuhkan pasukan polis Labuan dan membangunkan sebuah balai polis di Edwardes Town sebagai langkah kawalan dan penguatkuasaan undang-undang. Berdasarkan kajian sejarah Labuan (1800–1984), Mr. Boyd telah dilantik sebagai Pemangku Ketua Konstabel Polis Labuan pada tahun 1875, manakala M. Wills bersama beberapa orang anggota lain ditempatkan secara tetap di balai

polis Edwardes Town bagi memantau aktiviti sosial dan ekonomi di kawasan perlombongan.

Dengan pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang, kapitan-kapitan Cina perlu memiliki lesen rasmi bagi mengendalikan perniagaan candu, pasar dan rumah ibadat. Pada tahun 1891, sebuah pasar telah dibina bagi membekalkan hasil laut serta bahan mentah kepada komuniti pelombong, di samping pembinaan tokong di Tanjung Kubong dan kawasan bandar Labuan. Sistem perlesenan ini bukan sahaja mencerminkan dasar British yang bergantung kepada perantara tempatan dalam mengurus komuniti imigran, malah turut berfungsi sebagai mekanisme untuk menjana pendapatan kolonial.

Kemasukan imigran dengan pelbagai latar belakang akibat perkembangan industri perlombongan telah membentuk komuniti majmuk di Labuan yang terdiri daripada masyarakat Cina, India, Eropah dan kaum pribumi Borneo. Menurut catatan sejarah, mayat pelombong Cina yang meninggal dunia disemadikan di kawasan perbukitan di Tanjung Kubong dan Kampung Lubok Temiang. Selepas penutupan industri perlombongan pada tahun 1911, kawasan perkuburan ini terbiar dan sebahagiannya musnah akibat pembangunan baharu. Hanya beberapa batu nisan berjaya diselamatkan dan dipindahkan ke Tanah Perkuburan Cina di Kampung Ranche-Ranche.

Selepas era pentadbiran Gabenor Edwardes, populasi Edwardes Town sering berubah-ubah bergantung kepada tahap aktiviti perlombongan. Pada tahun 1879, jumlah penduduk direkodkan sekitar 1,500 orang, namun merosot kepada hanya 20 orang pada tahun 1882 selepas operasi perlombongan dihentikan. Baki tenaga buruh yang tinggal digunakan untuk projek pembangunan lain seperti

pembinaan jalan raya dan pelabuhan. Pembinaan landasan kereta api ringan dari tapak perlombongan ke kawasan pengumpulan dan seterusnya ke Jeti Pelabuhan Raffles turut dipergiat. Landasan kereta api dari Tanjung Kubong ke Pelabuhan Victoria siap pada tahun 1893, menandakan satu pencapaian penting dalam sistem pengangkutan arang batu di Labuan.

Kini, lebih satu abad selepas industri perlombongan arang batu Labuan menghentikan operasinya, Edwardes Town semakin lenyap daripada ingatan umum kerana kebanyakan bukti *in situ* tidak lagi wujud. Keadaan ini menyebabkan pekan perlombongan tersebut kurang diketengahkan dalam penulisan sejarah Labuan. Namun demikian, legasi Edwardes Town sebagai penyumbang kepada revolusi perindustrian dunia serta peranannya dalam perkembangan ekonomi dan sosial Labuan tidak wajar dipinggirkan. Lebih penting lagi, Edwardes Town merupakan antara tapak perlombongan arang batu terawal di Malaysia dan sewajarnya diiktiraf sebagai warisan industri yang bernilai tinggi.



Program Muzium @

KOMUNITI PERKUKUH KESEDARAN WARISAN DI POLITEKNIK MERLIMAU

Oleh: Muhammad Naim bin Abdullah, Muzium Seni Bina Malaysia

MELAKA – Dalam usaha memperkasakan peranan institusi muzium sebagai wadah pendidikan luar bandar, Program Muzium @ Komuniti (Outreach) telah dilaksanakan dengan jayanya di Politeknik Merlimau, Melaka pada 21 April 2026. Program yang menyasarkan golongan mahasiswa ini dijalankan dengan pendekatan interaktif selaras dengan penganjuran *Tourism & Hospitality Discovery Day 2026*. Muzium Seni Bina Malaysia telah diundang secara rasmi untuk menyertai program tersebut sebagai pempamer utama bagi melaksanakan aktiviti pendidikan muzium kepada para pengunjung.

Pameran bergerak bertajuk “Garis dan Akar: Lensa Lim Chong Keat” menjadi antara pengisian utama bagi mendedahkan pengunjung kepada falsafah dan sumbangan besar tokoh seni bina tersebut dalam memartabatkan identiti nasional melalui reka bentuk. Perkongsian ilmiah ini bertujuan memberikan perspektif baharu kepada komuniti akademik mengenai kepentingan mendokumentasikan rumah warisan tradisional mengikut peredaran zaman. Bagi memastikan keberkesanan penyampaian maklumat, program ini turut mengintegrasikan elemen pembelajaran digital melalui platform Kahoot yang berjaya mewujudkan suasana pembelajaran dinamik dalam kalangan peserta. Selain itu, aspek kreativiti dan pemahaman struktur diperkukuh melalui aktiviti praktikal “DIY Dinosaur” dengan sokongan rakan strategik Mr. D.I.Y., sekali gus membolehkan pelajar meneroka prinsip reka bentuk melalui pendekatan pembelajaran tidak formal yang menarik dan berkesan.

Majlis perasmian *Tourism & Hospitality Discovery Day 2026* telah disempurnakan oleh Puan Faridatuljana binti Mohd Noor, Timbalan Pengarah (Akademik) Politeknik Merlimau Melaka. Kehadiran memberangsangkan yang mencecah lebih 1,000 orang pelajar daripada pelbagai disiplin ilmu serta jempunan sekolah berhampiran membuktikan impak positif program ini sebagai medium pendidikan alternatif. Inisiatif sedemikian dilihat mampu memberikan inspirasi yang mendalam serta memupuk kesedaran generasi muda terhadap kepentingan memelihara warisan dan identiti budaya negara secara berterusan.



PROGRAM JANGKAUAN LUAR (OUTREACH) MUZIUM MUZIK BERSAMA SEKOLAH KEBANGSAAN KEBUN BAHARU TELOK PANGLIMA GARANG

Oleh: Kalsom Binti Abdul Manaf, Muzium Muzik

SELANGOR - Pada 23 April 2026, Program Jangkauan Luar oleh Muzium Muzik yang berlangsung di Dewan Iltizam, SK Kebun Baharu (SKKB) Telok Panglima Garang, Kuala Langat, Selangor telah berjaya menarik penyertaan pelajar dan guru dengan jumlah kehadiran seramai 3239 orang dalam usaha memperkasa apresiasi terhadap seni muzik dan warisan kebudayaan negara. Program ini dilaksanakan secara kolaboratif bersama pihak sekolah bagi memberi pendedahan secara langsung melalui aktiviti *hands-on*, pendidikan luar kelas dan visual.

Objektif utama bagi penganjuran program ini selain daripada mengeratkan hubungan antara muzium dan institusi pendidikan khususnya warga sekolah, ianya turut menjadikan muzium sebagai satu platform pembelajaran luar bilik darjah yang menarik, berbentuk *hands-on* dan bermanfaat kepada murid. Muzium Muzik turut menjemput Muzium Etnologi Dunia Melayu (MEDM) dan Bahagian Pengurusan Konservasi, Jabatan Muzium Malaysia bagi sama-sama memeriahkan lagi program dengan pelbagai pengisian menarik. Majlis dihadiri oleh tetamu kehormat iaitu YBrs. Encik Mohamad Sharin bin Samuri, Penolong Pegawai Daerah Unit Menengah dan Tingkatan Enam, Daerah Banting dan Guru Besar SK Kebun Baharu iaitu YBrs. Encik Noor Faiz bin Dasuki. Persembahan khas juga turut dipersembahkan dalam majlis perasmian tersebut oleh Kumpulan Tarian Sukma Tari iaitu pelajar daripada SK Kebun Baharu itu sendiri.

Pelbagai aktiviti menarik turut diadakan sepanjang program berlangsung, antaranya pertandingan lagu rakyat melibatkan 10 kumpulan dari beberapa sekolah di Daerah Kuala Langat, aktiviti *hands-on* DIY melibatkan 1,553 kit STEM, pameran interaktif, demonstrasi Wayang Kulit dan konservasi alat muzik tradisional seperti kompang dan sape. Turut diadakan ialah tayangan video, pertandingan mewarna, aktiviti suai padan alat muzik tradisional Malaysia serta cabutan bertuah bagi memeriahkan suasana.




Pemenang Kad Raya "Terpaling Raya"



Riang Ria RAYA JMM

SEGMENT KHAS







PERSARAAN ENCIK AHMAD ZULKARNAIN BIN ALIAS

20 FEBUARI 2026



PERSARAAN ENCIK ZAMRI BIN MAHAMUDDIN

21 FEBUARI 2026



PERSARAAN PUAN ROSLELAWATI BINTI ABDULLAH

27 FEBUARI 2026



PERSARAAN PUAN ROHMAH BINTI DARUS

1 APRIL 2026

Muzium Kita Tamadun Kita



Galeria Perdana



Muzium Adat



Muzium Arkeologi Lembah Bujang



Muzium Chimney



Muzium Diraja



Muzium Etnologi Dunia Melayu



Muzium Kota Johor Lama



Muzium Kota Kayang



Muzium Kota Kuala Kedah



Muzium Labuan



Muzium Lukut



Muzium Marin



Muzium Matang



Muzium Negara



Muzium Automobil Nasional



Muzium Perak



Muzium Seni Bina



Muzium Seni Kraf Orang Asli



Muzium Sg Lembing



Muzium Tekstil Negara



Galeri Muzik